[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Bil. 22** **Khamis** **28 April 2005**

**K A N D U N G A N**

**USUL:**
Menangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):**
- **Bekalan Air Bersih Di Negeri Kelantan**
  *- Y.B. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]* (Halaman 26)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 27)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005 (Halaman 28)
Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2005 (Halaman 71)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 28 April 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**USUL**

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

”Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 dan Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai No. 4 dan No. 5 ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiganya dan dibawa ke mesyuarat akan datang.”

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk menggalakkan interaksi di antara kaum dan seterusnya memupuk perpaduan kaum.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara adalah tanggungjawab bersama. Justeru itu

semua pihak hendaklah memainkan peranan bagi memastikan agar perpaduan negara kekal selamanya.

Melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional iaitu (JPNIN) kerajaan telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti ke arah memelihara dan memperkukuhkan semangat perpaduan negara melalui strategi jangka pendek dan jangka panjang. Strategi jangka pendek adalah melalui pelaksanaan aktiviti penggalakan interaksi dan promosi perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang keturunan. Strategi jangka pendek dilaksanakan secara berterusan di peringkat kebangsaan, negeri daerah dan di kawasan-kawasan Rukun Tetangga dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melibatkan masyarakat setempat dari pelbagai peringkat umur dan keturunan etnik.

Bidang-bidang aktiviti yang dilaksanakan adalah mencakupi bidang sosial pendidikan, sukan, rekreasi, kesenian dan kebudayaan serta kesihatan dan alam sekitar, kebajikan, keagamaan, ekonomi dan keselamatan di lokasi-lokasi tertentu.

Lawatan-lawatan integrasi juga di anjur untuk para penduduk melawati wilayah-wilayah lain pada masa majlis-majlis perayaan umum negara. Dengan adanya aktiviti yang berterusan akan membolehkan rakyat untuk berinteraksi dan menjalinkan perhubungan antara mereka di samping mewujudkan suasana persefahaman yang mesra dan harmoni.

Sementara itu, strategi jangka panjang pula dilaksanakan melalui dasar-dasar dan program-program kerajaan yang menjurus ke arah perpaduan nasional seperti Dasar Pembangunan Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Belia Negara, Dasar Sosial Negara dan program Latihan Khidmat Negara dan sebagainya termasuklah program-program sukan, kebudayaan dan perayaan-perayaan seperti majlis-majlis rumah terbuka Malaysia sempena menyambut hari perayaan-perayaan umum kumpulan-kumpulan etnik di negara kita. Akhirnya apabila perpaduan dapat dijadikan sebagai satu budaya masyarakat Malaysia kita akan mencapai perpaduan dalam erti yang sebenar mewujudkan bangsa Malaysia yang kita telah tentukan sebagai matlamat ulung negara. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang

di-Pertua. Saya amat menyokong sangatlah apa yang dijawab oleh Yang Berhormat menteri dan saya sebagai rakyat Malaysia amat berbangga dengan program-program perpaduan yang dijalankan oleh kerajaan selama ini, dan saya harap semua program perpaduan yang tidak ternilai harganya itu akan dapat dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa. Cuma saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, kita bukan sahaja hendak berpadu dari segi antara etnik-etnik kaum di negara ini tetapi juga perpaduan dari segi wilayah. Kita dalam negara Malaysia yang bersatu padu ini tidak mahu ada seolah-olah perpisahan antara wilayah dengan wilayah seperti Semenanjung dengan Sabah, Semenanjung dengan Sarawak, Sarawak dengan Sabah dan sebagainya.

Jadi, dalam langkah ini ada satu rancangan yang sangat berharga tetapi belum dapat dilaksanakan iaitu tentang pengangkutan feri yang boleh memungkinkan rakyat yang tidak berpendapatan tinggi ataupun yang miskin dapat kata orang, orang Sarawak boleh datang ke Semenanjung, orang Semenanjung boleh datang ke Sabah, Sarawak datang ke….

**Beberapa Ahli:** *[Kahwin].*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** …ialah kalau kahwin itu salah satu cara *why not* kita jalankan, kalau adalah Larut hendak cuba *[Ketawa]* sebagainya projek perintis tidak ada masalah. Jadi, kenapa satu perkhidmatan yang sangat penting bagi rakyat ini tidak dapat dijalankan. Nilai wang ringgit bukan boleh jadi ukuran, nilai wang ringgit tidak boleh dijadikan ukuran dari segi hendak menyatupadukan rakyat dari berbagai-bagai wilayah yang saya nyatakan tadi.

Saya pernah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn, dia kata ada lima musuh negara:

(i) komunis;

(ii) subversif

(iii) dadah;

(iv) rasuah; dan

(v) perkauman.

Ini musuh, hendak menolak musuh perkauman ini ialah mesti dijalankan berbagai-bagai program seperti Yang Berhormat Menteri nyatakan tadilah. Jadi, kita

padukan kaum ini, antaranya itulah perkhidmatan feri ini. Wang ringgit, Yang Berhormat Menteri jangan jadi ukuran, jangan sekali-kali nilai wang boleh diukur …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ..untuk menjadi perpaduan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah keluarkan soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya bertanya Tuan Yang di-Pertua, itu satu. Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ini program Latihan Khidmat Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu cukup Yang Berhormat, satu cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak. Ia ada kaitan Tuan Yang di-Pertua, ia berekor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup-cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang kedua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini pun hari penghabisan Tuan Yang di-Pertua, sabar Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup-cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Program Khidmat Negara ini baik tetapi ada sedikit saya rasa yang tidak berapa kenalah. Kem ini yang di Sabah untuk orang Sabah, kem yang di Sarawak untuk orang Sarawak. Kenapa tidak agaknya yang di Sabah ini 80% datang daripada anak-anak muda kita daripada Semenanjung dan daripada Sarawak, yang daripada Sarawak 80% datang daripada Sabah dan juga daripada Semenanjung, bertukarlah, yang Semenanjung ini 80% …

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat, cukup, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....daripada Sabah dan Sarawak. Dia faham ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Menteri ini memang pandai macam Tuan Yang di-Pertua, pun pandai ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Faham, faham,

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...termasuk saya pun pandai Tuan Yang di-Pertua, terima kasih *[Ketawa].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terpulang.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sri Gading kerana begitu prihatin sekali mengenai perihal perpaduan dan integrasi. Mengenai dengan perkara feri ini dalam peringkat kajian peringkat kedua, peringkat pertama sudah pun selesai. Namun, dari segi pengajian pertama itu nampaknya perkara kos itu menjadi satu perkara yang sangat penting untuk diberi penting khususnya dari segi kos diesel, minyak dan juga kos kapal kerana dalam satu tahun yang lalu ini kos besi *(steel)* dengan izin, besi di pasaran dunia begitu meningkat, jadi pihak kerajaan telah pun meminta supaya jawatankuasa pengkaji tersebut mengkaji semula dalam segi implikasi kos supaya kerajaan tahu sebenar beberapa banyak yang perlu di tanggung oleh pihak kerajaan. Walaupun kerajaan sedar bahawa perpaduan itu tidaklah harus dinilai daripada wang ringgit, namun kos yang munasabah hendaklah juga sentiasa di tentukan. Jadi dalam perkara ini pihak kita akan mengambil perhatian kepada cadangan-candang yang lain.

Mengenai dengan program Latihan Khidmat Negara, untuk makluman Yang Berhormat pada saat ini 10% daripada peserta yang layak di Sabah dan Sarawak adalah dihantar daripada Semenanjung dan ini telah menjadi satu agen jentera untuk berinteraksi dan sekali gus memupuk integrasi. Pada masa yang sama belum sampai ke tahap 10% dari Semenanjung yang akan ditentukan ke Sabah dan Sarawak kerana jumlah tersebut akan menjadikan jumlah yang begitu besar dari segi *absolute numbers,* dengan izin. Namun demikian, pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara sedang memerhatikan perkara ini dan pada hari esok untuk makluman Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen akan memulakan pendengaran awam di Parlimen ini, hari esok dan hari Sabtu dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada banyak cadangan mengenai program ini serta integrasi nasional bolehlah menyampaikan hujah-hujah yang lebih panjang. Terima kasih .

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pendek sahaja iaitu sama ada kerajaan bersedia untuk menubuhkan satu institut

hubungan kaum untuk mengkaji hubungan kaum di Malaysia secara ilmiah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini adalah satu cadangan baik, namun untuk makluman Dewan yang mulia ini dua institusi sebenarnya telah pun diwujudkan dalam tempoh baru-baru ini. Satunya ialah Institut Sosial Negara dan sebahagian tanggungjawab itu juga melihat kepada perihal pembangunan sosial termasuklah kajian ke atas perhubungan kaum.

Pada masa yang sama pihak kabinet juga pada Disember tahun lalu telah pun setuju menubuhkan satu institut yang kita sebutkan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional ataupun (IKLIN) di bawah penyeliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Institut ini sedang dalam proses pembentukan dan pengisian, di antara bidang kuasa penyelidiknya ialah juga penyelidikan dari segi perkara perhubungan kaum yang akan dilaksanakan bersama dengan universiti-universiti tempatan serta juga para penyelidik-penyelidik di peringkat swasta dan antarabangsa. Perhatian itu kita akan terus dari segi catatan dan tindakan seterusnya. Terima kasih.

***[Soalan No. 2** – Y.B. Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]*

3. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dasar pemantauan yang ada di peringkat kementerian terhadap pelaksanaan projek-projek pembangunan terutama yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan menggunakan peruntukan kementerian.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada meluluskan peruntukan kepada pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, pihak kementerian turut memberi penekanan kepada aspek pemantauan, pelaksanaan projek-projek bagi memastikan ianya dilaksanakan sewajarnya. Pemantauan ke atas pelaksanaan projek yang diluluskan dilakukan melalui beberapa cara seperti berikut:

(i) melalui mesyuarat pemantauan projek yang diadakan di setiap negeri yang dihadiri oleh semua pihak berkuasa tempatan dan

pegawai pejabat setiausaha kerajaan negeri. Mesyuarat ini diadakan dua atau tiga kali setahun;

(ii) melalui lawatan ke tapak projek yang diadakan sempena mesyuarat pemantauan tersebut atau semasa mesyuarat-mesyuarat lain yang melibatkan pihak berkuasa tempatan; dan

(iii) melalui laporan prestasi bulanan yang perlu dikemukakan ke pejabat setiausaha kerajaan negeri dan kementerian. Sekiranya terdapat projek yang gagal dilaksanakan oleh kontraktor tindakan-tindakan sebagaimana yang terkandung dalam dokumen perjanjian akan diambil oleh PBT termasuklah tindakan menamatkan kontrak.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan sebentar tadi. Kita jelas antara tugas dan fungsi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bahagian Pemantauan Pengurusan PBT adalah untuk menyiasat aduan-aduan mengenai kegagalan memberi perkhidmatan di PBT–PBT. Hari ini rakyat telah banyak membuat aduan dan pelbagai jenis aduan antaranya berkaitan dengan pemaju, berkaitan dengan rumah, berkaitan dengan kakitangan, berkaitan dengan kegagalan memberi perkhidmatan, inspektor kesihatan, projek tidak *viable*, projek tak ekonomi dan selainnya. Tetapi pada hari ini rata-rata aduan rakyat ini kurang diambil perhatian sewajarnya, akhirnya ramai rakyat yang rasa kecewa dan mereka mula *divert*, dengan izin, aduan mereka kepada wakil-wakil rakyat. Contohnya, wakil rakyat bila kita hantar surat pun kadang-kadang mereka tidak jawab.

Yang keduanya, mereka lalu ke Biro Pengaduan Awam daripada Januari sampai April.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baiklah, apakah soalan?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Sekejap sahaja, seminit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak perlulah.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Januari sampai April ada 13 kes yang penting, yang ada di Biro Pengaduan Awam. Akhirnya mereka melalui media, mereka terpaksa guna Karam Singh Walia apa benda semua ini selepas habis semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, Menteri faham, sekarang saya hendak tahu apakah soalan itu?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Soalannya, kerajaan juga telah membuat beberapa pendekatan, tetapi pendekatan ini ternyata hari ini rumah banyak terbengkalai, orang buat aduan dan bising banyak. Jadi, apakah tindakan kerajaan yang lebih proaktif, yang pertama kepada PBT dan kakitangan yang terbukti tidak mengambil tindakan terhadap aduan rakyat.

Yang kedua, apakah tindakan proaktif kerajaan mempertingkatkan secara drastik....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, satu sudah cukup.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** ....khususnya kepada sistem dan pelaksanaan aduan di PBT. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ialah melalui projek PBT, tetapi nampaknya soalan tambahan luas. Tetapi tidak mengapa, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa walaupun terdapat tiga lapisan kerajaan dalam sistem Perlembagaan Malaysia, walau bagaimanapun, terdapat juga kalau sekiranya sesuatu perkara yang berlaku yang tak kena di peringkat PBT kerajaan negeri akan juga ambil tindakan untuk membaiki ataupun membetulkan sesuatu sekiranya tak betul. Kalau ada lagi perkara masih tak betul perlukan perhatian Kerajaan Persekutuan, maka terdapat Majlis Negara Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di situ juga perkara yang melibatkan pihak berkuasa tempatan boleh dibincang dan diambil tindakan.

Buat masa kini terdapat mesyuarat yang kerap dilakukan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan semua menteri besar melalui Mesyuarat Menteri Besar ataupun Timbalan Perdana Menteri yang mempengerusikan MNKT, yang saya sebut tadi dan ada juga majlis yang merupakan bertaraf peringkat nasional seperti

Majlis Perancangan Fizikal Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri di mana semua menteri besar juga turut terlibat. Jadi, kalau ada sesuatu yang tak kena memang baru-baru ini dalam satu dua tahun ini banyak perkara telah pun dibetulkan dan dapat perhatian Kerajaan Persekutuan. Saya faham apa yang sampai ke Biro Pengaduan Awam ada 13 kes, tetapi mungkin Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini perlu dimaklumkan juga bahawa beratus kes telah pun sampai ke kementerian telah dapat di atasi, begitu juga di pihak kerajaan negeri.

Jadi, kebanyakan kes yang diselesaikan, cuma kes-kes yang tak selesai itulah sampai ke media massa ataupun ke Biro Pengaduan Awam. Walau bagaimanapun, usaha telah diadakan, Jemaah Menteri telah menerima langkah-langkah untuk menambah baik pihak berkuasa tempatan yang telah dikemukakan oleh kementerian saya dan dibantu oleh agensi-agensi kerajaan lain seperti MAMPU, INTAN dan juga melibatkan Ketua Setiausaha Negara sendiri bagaimana untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan oleh PBT di seluruh negara terdapat 60 langkah jangka pendek, jangka panjang dan ia melibatkan seluruh aspek. Jadi, kalau dapat kerjasama semua agensi, semua lapisan kita berharap dalam masa akan datang kita dapat menambah baik lagi perkhidmatan pihak berkuasa tempatan.

**Ir. Haji Hamim bin Samsuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin pihak kementerian telah pun melakukan sesuatu yang terbaik di dalam memantau dan menyelaras projek-projek yang dilaksanakan, terutama yang berkaitan dengan jabatan-jabatan lain. Saya perhatikan baik di Kuala Lumpur, baik di Muar termasuk di Pulai, Johor Bahru banyak projek yang dilaksanakan oleh PBT sama ada landskap, parit, jalan masuk, turapan jalan dibuka semula oleh jabatan-jabatan lain oleh TNB, oleh SAJ, oleh Jabatan Bekalan Air, oleh JKR. Saya yakin kementerian ada pendekatan yang terbaik, tetapi persoalan saya ialah apakah tindakan kementerian selanjutnya untuk memastikan bahawa penyelarasan itu betul-betul berlaku? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa Yang Berhormat cuba hendak bentangkan iaitu terdapat tidak cukup penyelarasan antara agensi-agensi kerajaan, terutamanya agensi-agensi *public utility* yang mana pihak berkuasa tempatan atau JKR baru buat jalan, kemudian agensi lain korek cuba hendak letak paip, *wiring* dan sebagainya. Ini telah pun menjadi satu kelemahan selama ini.

Semua kerajaan negeri dan juga agensi-agensi yang terlibat telah pun dinasihat supaya adakan mesyuarat koordinasi. Sebagai contoh kalau pihak berkuasa tempatan, maka yang di-pertua perlu mempengerusikan mesyuarat yang melibatkan semua agensi dan memastikan segala perancangan dan pelaksanaan projek itu dapat dimaklumkan kepada satu mesyuarat di mana semua agensi lain tahu. Ini sebagai *one-stop*. Begitu juga konsep yang sama ini digunakan untuk meluluskan projek-projek pembangunan secara *one-stop center* (OSC).

Kami masih memantau sejauh manakah amalan ini berkesan memandangkan kami telah dapat mengutip *feed back* dari segi kelemahan dahulu. Kami juga bergantung kepada pihak berkuasa negeri terutamanya kerajaan negeri yang bertanggungjawab terhadap *public utility,* juga adakan satu pelan tindakan mengelakkan ketidakselarasan ini.

Begitu juga satu konsep *area officer* itu telah banyak kali ditekankan oleh Kerajaan Persekutuan, di setiap kawasan dia perlu ada seorang yang bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada mana-mana agensi yang bertanggungjawab dengan serta-merta, jika berlakunya sesuatu yang tak kena. Jadi, konsep *area officer* ini adalah masih dalam pemantauan Kerajaan Persekutuan.

4. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan tentang langkah-langkah keselamatan yang ketat yang diwujudkan di kem-kem tahanan termasuk di penjara di seluruh negara yang melibatkan tahanan-tahanan politik.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi memastikan keadaan penjara di seluruh negara adalah selamat, pelbagai langkah telah diambil oleh Jabatan Penjara Malaysia yang sememangnya sentiasa berwaspada terhadap kes-kes tahanan di penjara di seluruh negara. Di antara langkah-langkah keselamatan yang telah dan sedang diambil oleh pihak penjara termasuklah:

(i) memastikan tahap keselamatan fizikal penjara sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik;

(ii) memastikan segala peralatan selamat digunakan pada setiap masa;

(iii) menggunakan peralatan-peralatan berteknologi tinggi seperti CCTV bagi menguasai tahanan; dan

(iv) menggantikan pagar-pagar yang rosak serta menapis dan memeriksa dengan teliti pelawat-pelawat yang hendak berjumpa dengan orang-orang tahanan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah keselamatan tersebut dijalankan ke atas semua penghuni institusi penjara yang mana mereka telah dikenal pasti terlibat dengan pelbagai aktiviti atau jenayah mengancamkan keselamatan negara serta ketenteraman awam. Sekian terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana Kem Tahanan Kamunting telah pun menjalankan satu projek bernilai RM10 juta untuk menaikkan pagar setinggi 15 kaki. Saya bangkitkan perkara ini kerana di kem tersebut baru-baru ini telah pun timbul, di mana penghuni-penghuni telah membuat pemberontakan dan mengancam ke atas pegawai dan kakitangan di kem tersebut yang telah menimbulkan masalah yang begitu besar, dan saya ingin tahu selain daripada tindakan fizikal, kawasan Kamunting ini tengah-tengah di antara Taiping dan Larut. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Putra Jaya.

Saya ingin tahu selain daripada pembangunan fizikal yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi termasuk memperbaiki pagar-pagar yang rosak, yang uzur termasuk meletakkan CCTV, bagaimana pemeriksaan ke atas pelawat-pelawat termasuk keluarga yang datang melawat orang-orang tahanan di penjara-penjara ataupun di kem-kem tahanan, selain melihat yang terbaru sekali ialah kem-kem tahanan ataupun penjara untuk pendatang tanpa izin di 12 buah yang saya difahamkan di seluruh negara, yang semakin uzur dengan kawalan keselamatan yang tidak begitu terjamin, apakah kementerian ingin menambahkan warden-warden dalam mengawal keadaan keselamatan kalau-kalau akan berlaku rusuhan kerana terlalu ramai mereka yang dikurung ataupun yang dipenjarakan di tempat-tempat yang telah saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye**: Tuan Yang di-Pertua, sejak depot pendatang tanpa izin diambil alih oleh Jabatan Penjara, usaha dan cadangan telah diambil untuk mempertingkatkan ciri-ciri atau kemudahan fizikal untuk memastikan dan mengeratkan keselamatan dan apa juga usaha yang patut diambil. Selain daripada itu yang kita nampak - kemudahan fizikal yang mungkin perlu diambil ialah pagar-pagar yang menggunakan zink dan sebagainya. Kita berharap dengan kemudahan yang lebih baik khasnya mengenai pagar-pagar yang *anti climb* dan sebagainya. Juga dengan mengadakan lebih ramai pegawai-pegawai, kita dapat memastikan keselamatan di depot PATI yang baru diambil alih oleh Jabatan Penjara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalabakan.**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, mengenai pemeriksaan pelawat itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu sudah cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Satu, satulah. Tuan Yang di-Pertua, kita bercerita pasal .........

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila teruskan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Langkah-langkah keselamatan untuk penjenayah-penjenayah tetapi saya fikir, kita harus memikirkan juga tentang penjara itu sendiri. Pernah saya kemudahan di sini, ukuran penjara 10 x 10 - ada 20 orang, mungkin dia tidak boleh tidur pun. Ini seharusnya diteliti juga. Walaupun dia penjenayah tetapi hak asasi mereka mesti dihormati. Mereka mesti ada tempat yang selesa dan makanan diberikan yang baik. Kalau tidak, apabila kita sudah penjarakan mereka dan mereka tidak dapat kemudahan, sudah tentu mereka akan memberontak.

Oleh itu apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi perkara ini?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengakui bahawa wujudnya kesesakan di dalam penjara khasnya di beberapa penjara berdekatan dengan bandar raya dan sebagainya. Sebagai contoh Penjara Sungai Buloh, kapasitinya cuma

2,500 tetapi populasi sekarang ialah 5,059 orang iaitu dua kali ganda *overcrowding* dan sebagainya. Satu lagi contoh ialah Pulau Pinang, kapasitinya cuma 1,300 tetapi setakat ini 2,165 orang. Ini adalah contoh-contoh.

Walau bagaimanapun langkah-langkah telah diambil dan pihak kerajaan ada bercadang untuk membina 10 buah lagi penjara supaya kapasitinya boleh meningkat daripada 33,000 kepada lebih 46.......

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Jawapan ini tidak memuaskan, Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah kemukakan ini beberapa lama. Langkah-langkah ini sudah dikemukakan dalam Dewan sebelum saya menjadi ...masuk dalam Dewan sudah ada saya dengar. Kita mahu positif - langkah-langkah yang positif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Sampai bila?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat bagi Kalabakan ialah apakah langkah-langkah...

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pembinaan penjara-penjara baru, langkah-langkah yang akan diambil ialah mengkaji semula undang-undang dan akta-akta yang sedia ada. Yang keduanya ialah mengadakan sistem *parole* di mana banduan-banduan yang layak mungkin menjalankan hukumannya di luar penjara dan yang ketiga, kemungkinan dengan pindaan kepada *Penal Code* bahawa kita dapat mengadakan hukuman yang alternatif seperti perkhidmatan masyarakat dan sebagainya.

Dengan langkah-langkah yang komprehensif barulah kita dapat menangani masalah ini selain daripada mengurangkan jenayah-jenayah dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit pindaan kepada soalan ini pada ayat yang terakhir dengan menambah perkataan, “Jika ya, di mana dan ....”

5. **Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu pasar tani di setiap daerah atau kawasan Parlimen. Jika ya, di mana dan bilakah ia akan dilaksanakan di Kuala Selangor.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai rancangan untuk menubuhkan pasar tani di semua daerah dan kawasan Parlimen yang bersesuaian. Pasar Tani ini akan dibina secara peringkat demi peringkat. Keutamaannya akan diberi kepada kawasan-kawasan bandar di mana mempunyai penduduk yang ramai dan mempunyai kuasa membeli yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kuala Selangor, FAMA telah merancang untuk mewujudkan pasar tani di kawasan Parlimen Kuala Selangor iaitu bersebelahan pejabat FAMA daerah Kuala Selangor yang dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun ini.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tahun yang lepas, saya dan beberapa Ahli Parlimen yang lain ada mencadangkan supaya FAMA dikorporatkan agar FAMA dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam bidang pemasaran sama ada di dalam ataupun di luar negara.

Persoalannya, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kajian kemungkinan atau dengan izin, *feasibility study* sudah dijalankan dan kalau sudah apakah laporan awalnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk mengkorporatkan FAMA.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak kementerian sedar bahawa di saat-saat akhir ini pasar tani dicemari oleh peniaga-peniaga runcit yang berhijrah dari tempat ke tempat. Maknanya melanggar daripada konsep asal. Pasar tani ini ialah untuk kita pasarkan bahan-bahan pertanian daripada petani-petani untuk dipasarkan di pasar tani tersebut.

Tetapi apa yang berlaku sekarang ini, penjaja-penjaja berhijrah dari pasar tani ke pasar tani dan sebahagian besarnya bukan menjual bahan-bahan pertanian tetapi ialah kain, kain baju, barang-barang plastik dan sebagainya. Kalaulah kementerian ini sedar, apakah tindakan yang patut kita kenakan kepada mereka ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini bukan pasar tani tetapi itu ialah pasar malam. Di bawah konsep pasar tani, yang dibenarkan menjual ialah pengusaha-pengusaha tani dan mereka menjual hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh para petani, penternak dan nelayan. Kita tidak membenarkan kawasan pasar tani dijual barang-barang plastik dan hasil-hasil bukan daripada pertanian. Yang Berhormat sebut itu tadi saya ingat pasar malam.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Masih berdiri dan bercakap sesuatu tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

6. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Skim Pinjaman buku untuk semua pelajar tanpa mengira pendapatan ibu bapa atau waris akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]**: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk memperluaskan pemberian pinjaman buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) kepada semua murid tanpa mengambil kira jenis sekolah dan pendapatan ibu bapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pada masa yang sama Kementerian Pelajaran perlu mempertimbangkan implikasi-implikasi sekiranya cadangan untuk memberi pinjaman buku teks kepada semua diterima. Antara faktor yang sedang diteliti adalah implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak SPBT mula diperkenalkan pada tahun 1975 sehingga tahun 2005, kerajaan telah membelanjakan lebih RM2.6 bilion untuk SPBT. Anggaran perbelanjaan SPBT tahun 2005 untuk kegunaan tahun 2006 ialah RM196 juta. Sekiranya dilaksanakan cadangan memberi buku teks kepada semua murid di peringkat sekolah rendah dan menengah, kerajaan memerlukan peruntukan

tambahan sebanyak RM117 juta lagi. Ini bagi menampung keperluan 20% atau lebih kurang 1 juta murid yang tidak layak mendapat SPBT. Terima kasih.

**Puan Lim Bee Kau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sentiasa rajin dan prihatin *[Disorak]* berkenaan dengan soal-soal pelajaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Puan Lim Bee Kau:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa skim pinjaman buku ini adalah satu skim yang begitu baik sekali. Daripada maklumat yang saya perlu dapati ialah bahawa sudah hampir lebih kurang 90% telah mendapat pinjaman buku ini. Jadi, yang tinggal hanya sebilangan kecil sahaja.

Di sini saya hendak merayu dan saya hendak minta supaya skim ini dapat dilaksanakan kepada semua tidak mengira seperti yang saya minta dalam jawapan saya dan tidak berapa lama dahulu Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri ada mengumumkan bahawa skim ini akan dilaksanakan. Tetapi saya minta di sini supaya ia dipercepatkan dan satu lagi ialah berkenaan dengan ......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawapan pun telah diberikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.....

**Puan Lim Bee Kau:** Saya minta untuk dipercepatkan. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan keadaan buku-buku pinjaman ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita dapati bahawa kadang-kadang buku-buku yang dibekalkan adalah dalam keadaan yang tidak sempurna. Saya minta supaya kementerian memantau untuk memastikan bahawa buku-buku yang ini adalah dalam kualiti yang baik untuk kebaikan kanak-kanak kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih di atas kata-kata manis yang telah disebutkan tadi. *[Disorak]* Sebenarnya semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini semuanya rajin. Saya bersetuju dengan pandangan yang berhormat, memang hasrat kerajaan atau khususnya Kementerian Pelajaran untuk mencadangkan supaya semua pelajar agar dapat kemudahan pinjaman buku teks tidak lama lagi.

Seperti yang disebut tadi, memang ini akan menimbulkan masalah dari segi kewangan. Kalau kerajaan terima cadangan Kementerian Pelajaran, maka semua murid akan dapat tidak kira sama ada apa jenis sekolah yang mereka belajar.

Untuk menjawab tentang buku-buku yang sudah lama dan tidak dalam keadaan baik, memang ini diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran. Sebenarnya kementerian saya memang sentiasa untuk memberi gantian kepada buku-buku yang sudah lama yang tidak dalam keadaan baik. Ini bergantung pada Guru Besar, kalau Guru Besar memberitahu kepada Kementerian atau Jabatan Pelajaran, kami akan mengambil tindakan untuk menggantikannya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

**Seorang Ahli:** Waaa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Timbalan Menteri yang bijak. Mudah-mudahan berjaya dalam pertandingan nanti. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tidak perlu sebutlah. Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlu sentuh perkara itulah. Dia memang menang punyalah. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Masih ketawa]* Sebelum saya masuk ke Parlimen, saya berkesempatan berjumpa dengan anak-anak daripada Sekolah Aminuddin Baki yang ada bersama dengan kita......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu bukan Yang Berhormat. Keluarkan soalan, tolong. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersembang-sembang dengan mereka......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlu, tidak perlu. Soalan tambahan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak jawab, salah seorang dia bercadang hendak jadi Tuan Yang di-Pertua. Dia kata dia hendak jadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan tambahan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pelajaran adalah suatu aset kepada rakyat dan negara, semua tahu ya?

**Seorang Ahli:** Semua tahu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tetapi adakah Yang Berhormat sedar, tadi Yang Berhormat ada mengatakan RM100,000 juta sahaja yang kita kurang untuk bagi 100% buku kerana saya dapati Yang Berhormat, kadang-kadang bila kita hendak hantar, walaupun kita kata kerajaan bagi itu dan ini, tetapi saya mengalami apabila anak orang susah hendak masuk sekolah rendah, kos bayaran untuk memasuki dan mendaftar itu sahaja akan menelan belanja RM120.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini tidak ada kaitan dengan buku.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Buku, buku, buku. Oh, buku Tuan Yang di-Pertua. Sekolah menengah RM160, buku, dia kena buku Bank Simpanan Nasional bawa keluar bayar.

Saya lihat dalam senarai itu, buku tulis dia kena bayar. Yuran PIBG, yuran itu, yuran ini dan sebagainya sedangkan orang kampung, yuran-yuran ini boleh dituntut kemudian. Kalau hari pertama dia bawa enam orang anak pergi ke sekolah, dia kena cari RM1,000 untuk hendak masuk daftar ke sekolah.

**Seorang Ahli:** Itu kalau enam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kalau enam, kalau dua belas macam Sri Gading? *[Dewan riuh]* Macam mana? Saya berharap kerajaan mengambil perhatian tentang pemberian buku percuma ini harus kita bagi kepada semua, tidak kiralah anak orang susah atau orang senang.

Hak bagi pun Tuan Yang di-Pertua, hari ini mereka pembohong. Hak ada duit, ada kereta besar pun pergi ambil buku percuma. Kemudian yuran sekolah itu, yuran ko-kurikulumlah, macam-macam 'ko' ada. Yang ini pun dicaj lagi. Kadang-kadang mereka hendak masuk sekolah sampai beratus ringgit. Manalah tahan sebab orang miskin.

Macam itulah wakil rakyat teruk. Wakil rakyat pun hantar anak pergi ke sekolah juga. Budak-budak ini pun kasihan juga, dengar ini..... *[menghalakan pandangan ke arah tetamu murid-murid sekolah].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Jerai, orang baik, hati baik, cukup sayang rakyat. Memang saya setuju.

Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional cukup prihatin tentang kebajikan rakyat. Sebenarnya macam-macam bantuan telah diberikan kepada rakyat khususnya kepada golongan yang miskin Yang Berhormat. Rakyat di kawasan Yang Berhormat sudah tentu banyak menerima bantuan.

Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, orang miskin hendak hantar anak masuk ke sekolah rendah macam-macam bayaran, tetapi saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, kementerian juga menyediakan biasiswa. Yang Berhormat bolehlah memberikan nama anak-anak yang sangat susah. Kita tetap akan beri. Inilah jaminan Kerajaan Barisan Nasional, begitu baik.

Bagi orang kaya, tidak usahlah ambil kemudahan. Contoh macam Yang Berhormat Jerai kalau ada anak lagi yang masuk sekolah, jangan ambil walaupun dibagi, jangan terima. Betul tak? Inilah cara yang baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tidak pernah ambil, saya bagi lagi.

**Dato' Hon Choon Kim:** Oh, bagus, bagus, bagus. Inilah cara yang baik. Itu yang saya sebutkan Ahli Yang Berhormat Jerai memang adalah seorang yang baik, hati baik. Ini akan tetap mendapat sokongan daripada rakyat. Kalau masuk bertanding lagi, mesti menang punya.

**7. Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan tanaman alternatif terhadap pengusaha dan pengawet tembakau dalam menangani kempen anti merokok khususnya di Kelantan.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Lembaga Tembakau Negara (LTN) telah dan sedang terus berusaha mengenal pasti beberapa jenis tanaman yang sesuai untuk diintegrasikan dengan tanaman tembakau. Ini bertujuan untuk memastikan pendapatan penanam-penanam tembakau tidak begitu terjejas berikutan daripada pengurangan permintaan daun tembakau keluaran tempatan yang dijangkakan pada masa-masa yang akan datang menghadapi masalah.

Tanaman integrasi ini bukan sahaja dapat mempelbagaikan sumber pendapatan penanam-penanam tembakau, tetapi ia juga akan memaksimumkan penggunaan sumber-sumber pengeluaran yang sedia ada seperti tanah, alat-alat pertanian dan kemahiran pertanian yang dimiliki oleh penanam. Salah satu tanaman integrasi yang telah dilaksanakan ialah tanaman kenaf.

Semenjak tahun 2003, sejumlah 22,000 batang pokok kenaf telah ditanam dengan menggunakan benih yang diperolehi daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Tanaman cubaan dan pemerhatian ini juga dijalankan di projek penanam pengawet Air Tawar, Pasir Puteh, Kelantan, projek penanam pengawet Rhu Tapai dan juga taman industri tanaman Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada kenaf, tanaman-tanaman sampingan yang lain termasuk padi, jagung, jagung manis, tembikai wangi, kacang tanah dan herba sedang dipergiatkan penanamannya oleh pihak Lembaga Tembakau Negara (LTN) untuk meningkatkan pendapatan penanam tembakau. Pada tahun 2005, kawasan seluas 92 hektar dirancang untuk diusahakan dengan tanaman tersebut. Sekian.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sendiri menjawab soalan saya tadi. Dua soalan lagi sebagai soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Satu.

**Seorang Ahli:** Oh, satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, satu.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Satu. Satu soalan tambahan, minta maaf. Bilakah kementerian akan mengambil tindakan untuk membayar pampasan selama

empat tahun kepada pengawet dan penanam yang terdiri daripada 329 syarikat tembakau yang melibatkan tenggelam banjir, yang sekarang ini berada dalam keadaan nazak dan hendak gulung tikar bantal.

Sebagaimana yang dipersetujui secara *goodwill* dikirakan pada kotak asas tahunannya ialah RM14 bagi satu kilogram berjumlah RM161 juta. Saya merasakan bahawa usaha untuk menyelesaikan secara '*retreat'* ke arah *exit scheme* bagi penyusunan semula tembakau dalam bentuk suatu penyelesaian menyeluruh adalah amat perlu......

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** ..... dan apakah tindakan kerajaan terhadap kuota yang lebih pada tahun ini. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Nampaknya banyak soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakej rancangan penstrukturan semula industri tembakau ini sudah dalam peringkat akhir untuk sedia diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri tidak lama lagi. Kira rancanglah pengumuman ini serta juga pengagihan duit-duit sagu hati ini kepada pengawet-pengawet yang menghadapi masalah ini akan dilakukan di negeri Kelantan tidak lama lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak kementerian dengan kerjasama dengan syarikat-syarikat pengilang tembakau sudah juga mengadakan suatu rancangan atau suatu cara penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak penanam yang sudah tambah kuotanya, dan ini juga akan diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri tidak lama lagi.

Saya haraplah Yang Berhormat bersabar sedikit, kita akan membawa berita yang baik ini kepada negeri Kelantan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jasin bangun. Kenapa bangun tadi?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum sampai.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Belum sampai Tuan Yang di-Pertua. Sekarang boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi sekarang sampailah. Jasinlah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Petani kalau tanam tembakau, pemasaran dia boleh kata *guarantee* syarikat tembakau akan beli. Sekarang tanaman alternatif pula, yang mana Yang Berhormat Menteri bercakap tadi tentang kenaf dan tanaman-tanaman lain, apakah jaminan kerajaan terhadap petani-petani ini kerana kenaf pada hari ini hendak ditanam di Kelantan, *factory* tidak ada di Kelantan. Ada pun jauh, besok kita takut habis dengan kos *tranport* sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Okey, soalan yang baik. Semua ini Yang Berhormat sudah diambil kira apabila kita hendak mewujudkan satu pelan atau satu cara atau satu rancangan untuk memperkenalkan tanaman yang baru ini, sebab kita rasa kalau tidak ada orang yang membeli, tidak guna juga kita minta pihak pengusaha tembakau ini untuk tukar kepada tanaman yang baru itu.

Oleh sebab itu maka kita kenalah dari cara yang perlahan supaya kita boleh memastikan hasil dari kenaf ini akan dibeli oleh pihak kilang. Memang ada kilang Yang Berhormat yang kita sudah sediakan, di Kuantan mempunyai satu kilang dan juga di Kuala Lumpur pun ada satu kilang, yang ingin hendak membeli hasil-hasil dari kenaf ini.

**8.** **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan strategi dan langkah yang diambil oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam Lembah Klang dan kos pengambilalihan syarikat-syarikat bas, syarikat transit rel ringan dan mod pengangkutan lain di Lembah Klang oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad dan apakah langkah meningkatkan perkhidmatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan sistem pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang, kerajaan telah mula melaksanakan projek integrasi dan penyusunan semula sistem pengangkutan awam Lembah Klang (INSPEK).

Strategi ini merangkumi langkah-langkah untuk meningkatkan lagi keupayaan beberapa aspek utama termasuk tahap perkhidmatan rel dan bas dan kemudahan infrastruktur dan sistem tiket. Usaha untuk menangani masalah sistem pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas di Lembah Klang secara keseluruhan adalah berterusan dan melibatkan semua agensi dan syarikat kerajaan serta pihak swasta yang berkaitan.

Di antara langkah-langkah jangka pendek satu hingga empat tahun yang sedang diambil oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) adalah untuk menambah bilangan bas yang sedia ada, meluaskan liputan dan meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas, menambah kapasiti sistem LRT dan meningkatkan program integrasi antara semua mod pengangkutan awam yang sedia ada.

Program ini di antaranya melibatkan pembangunan infrastruktur seperti penambahan tempat letak kereta dan pelaksanaan sistem satu tiket. Strategi jangka panjang empat tahun ke atas adalah untuk menambah laluan-laluan baru serta kapasiti bagi sistem LRT, lanjutan program integrasi antara semua sistem rel bandar yang merangkumi sistem LRT, Monorel, KTM Komuter dan ERL.

Kos pengambilan yang ditanggung oleh SPNB bagi sistem LRT-PUTRA adalah sebanyak RM5.248 bilion dan bagi sistem LRT-STAR adalah sebanyak RM3.006 bilion dan kos pengambilan Syarikat Bas Intrakota dan City Link oleh SPNB berjumlah RM190 juta.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selama ini kerajaan telah gagal dalam .......... *[ketawa]* dalam janjinya untuk membentuk satu sistem pengangkutan awam yang berkesan dan tersusun khasnya di Lembah Klang. Ini terbukti oleh kegagalan rancangan kerajaan pada tahun 1980-an dan 1990-an untuk menggabungkan semua syarikat bas di Lembah Klang untuk dijadikan dua iaitu Intrakota dan Park May. Sekarang kedua-dua syarikat bas itu pun dibubarkan dan digantikan oleh RAPID KL dan juga terbukti kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, apabila beliau membentangkan bajet tahun ini yang dikatakan kadar kegunaan pengangkutan awam di Lembah Klang semakin menurun, dan sebaliknya kadar penggunaan kereta persendirian semakin meningkat kerana kelemahan teruk dalam sistem pengangkutan awam di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Maka soalan saya ialah macam mana kerajaan boleh memastikan trend kadar penggunaan boleh di*reverse* untuk menggalakkan lebih ramai rakyat menggunakan pengangkutan awam.

Maka soalan saya ialah macam mana kerajaan boleh memastikan *trend* kadar penggunaan boleh di *reverse* untuk menggalakkan lebih ramai rakyat menggunakan pengangkutan awam. Dalam hubungan yang sama, saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah peruntukkan akan disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang untuk melancarkan projek landasan kereta api berkembar yang bernilai RM14.4 bilion itu kerana kenyataan yang mengelirukan dan bertentangan di antara Menteri Pengangkutan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam dan tempoh hari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mereaksikan kepada kenyataan oleh Menteri Pengangkutan apabila beliau kata….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tiada masa untuk jawapan.

**Tuan Tan Kok Wai:**...apa yang dikatakan oleh Menteri Pengangkutan bahawa….

**Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya takut nanti tiada masa untuk jawapan.

**Tuan Tan Kok Wai:**....Projek landasan kereta api berkembar ini akan dilancarkan tidak benar dan beliau pun tidak sedar…

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:**…mengenai kenyataan menteri pengangkutan itu mengapakah kekeliruan yang begitu besar itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat tiada masa untuk jawapan nanti.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini, sebelum kerajaan mengambil alih sistem pengangkutan ini memang pengangkutan di Malaysia dan termasuk juga di Lembah Klang ini adalah di bawah kelolaan pihak swasta. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat seluruh dunia tidak ada sistem pengangkutan yang dijalankan oleh pihak swasta yang betul-betul *self-sufficient,* maknanya yang boleh

berdaya maju kecuali mungkin Hong Kong yang boleh berdaya maju. Tetapi lain-lain saya lihat termasuk di Eropah sendiri pun dibiayai ataupun di subsidi oleh kerajaan walaupun dijalankan oleh pihak swasta tetapi di subsidi oleh kerajaan.

Maka keadaan itu juga berlaku di Lembah Klang dan juga di seluruh negara. Banyak syarikat-syarikat pengangkutan yang dikendalikan oleh pihak swasta memang gagal sebab itu kita lihat bas-bas yang keadaan yang amat teruk masih lagi berjalan di atas jalan. Sebab itu Kerajaan telah pun membuat satu langkah yang saya kira amat bijak untuk mengambil alih pengangkutan di Lembah Klang sebagai permulaan. Mungkin pada masa-masa akan datang setelah melihat model di Kuala Lumpur ini berjaya, maka boleh di luaskan pada seluruh negara terutama sekali di bandar-bandar dan saya kira juga di kampung-kampung.

Sekarang ini pihak kerajaan berbelanja banyak untuk mengambil alih sistem pengangkutan ini dan memang saya sebutlah tadi bahawa kerajaan merancang jangka pendek, jangka panjang untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau dulunya oleh kerana sistem yang ada tidak begitu *integrated,* maka masing-masing menjalankan sistem masing-masing dan tidak ada *connectivity*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan tidak ada *feeder service.* Pada hari ini melalui usaha oleh kerajaan ini di bawah SPMB dan juga Rapid KL - SPMB sebagai *owner*, sebagai tuan punya sistem ini dan Rapid KL sebagai pengusaha operator, saya yakin dengan *integrated* ini, maka kita dapat selesaikan termasuklah mengadakan seperti yang saya sebut tadi tambahan *parking space*, dengan izin, di stesen-stesen LRT, Putra dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang yang tadi itu dalam surat khabarlah, saya tidak dapat maklumat yang tepat, maka saya tidak boleh hendak jawab tentang *opinion* yang disebut oleh menteri dan juga oleh Perdana Menteri dan perkara ini saya tidak hendak jawab kerana tidak dapat maklumat……

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah peruntukkan dalam RMK-9?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Itu kita tunggulah. Tuan Yang di-Pertua. Kita tunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, masa selesai untuk sesi soal jawab.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## USUL

## MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

### Bekalan Air Bersih di Negeri Kelantan

**11.04 pg.**

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Usul menangguh mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Dengan ini diberi notis bahawa saya akan mengusulkan supaya mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan.

Saya Ir. Shaari b. Hassan Ahli Parlimen Tanah Merah memohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan satu isu bekalan air bersih, ketiadaan air yang meruncing di negeri Kelantan khususnya di kawasan luar bandar yang mengakibatkan penyakit yang berbahaya oleh kerana air yang tidak bersih.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah perkara tertentu perlu dibincangkan dan melibatkan 60% rakyat negeri Kelantan yang tidak menerima air bersih yang sempurna atau tiada langsung bekalan air bersih. Keadaan ini bertambah meruncing sekarang ini kerana musim kemarau melanda negeri Kelantan mengakibatkan bekalan air dicatu dan punca-punca air lain kering kontang. Perkara ini berkepentingan ramai kerana isu ini dijangka akan bertambah buruk lagi sekiranya kemarau berpanjangan dan punca-punca air seperti perigi, telaga tiub dan sungai-sungai kering.

Masalah ini juga boleh mengakibatkan kesusahan kepada keseluruhan rakyat negeri Kelantan seperti pelajar sekolah dan rakyat amnya. Isu ini sangat perlu diambil perhatian tindakan segera oleh kerajaan kerana masalah ini juga boleh mengakibatkan pelbagai penyakit yang berpunca dari penggunaan air yang tidak bersih seperti penyakit demam kepialu, taun dan lain-lain lagi yang boleh membawa maut.

Berdasarkan dari penyataan di atas saya merasakan usul ini amat penting untuk di bahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya yang mencadangkan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Tanah Merah pada 26 April 2005 lalu.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

(i) bahawa perkara itu tertentu;

(ii) bagi kepentingan orang ramai dan

(iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ialah bagi kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut peraturan mesyuarat 18(3)(b) usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang.

Saya akan membenarkan pihak pencadang membahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN) 2005
### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1996 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN (PINDAAN) 2005**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[27 April 2005]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bandar Kuching diminta menyambung ucapan.

**11.09 pagi**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua semasa saya henti ucapan saya kelmarin saya ada sentuh berkenaan kepentingan prinsip-prinsip ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana-dana awam tetapi nampaknya di Malaysia konsep ketelusan dan akauntabiliti nampaknya tidak difahami atau diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Sejak tahun 80an satu demi satu skandal kewangan melibatkan Ringgit Malaysia berpuluh-puluh milion bahkan bilion telah didedahkan tetapi tiada mana-mana menteri mahu bertanggungjawab atas salah urus dana yang berlaku.

Apabila KWSP membayar dividen yang paling kurang sekali kepada penyumbang-penyumbangnya adalah amat memalukan bahawa kerajaan masih berani mengaku bahawa prestasi KWSP adalah baik. Paling buruk sekali sungguhpun pulangan dividen begitu rendah portfolio pelaburan KWSP dan proses membuat keputusan dari segi pelaburan KWSP ini tidak pernah diperjelaskan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini Kerajaan Negeri Sarawak barulah mendapatkan dana yang berjumlah USD350 milion melalui Juara *Certificate* Amanah (*Trust Certificate*) yang dikeluarkan mengikut prinsip syariah. Nama *certificate* amanah ini adalah SUKUT dana yang diperolehi itu akan disuntik ke dalam suatu syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) sebuah badan *satutory* yang

ditubuhkan oleh kerajaan negeri Sarawak demi perancangan pembangunan ekonomi Sarawak.

Syarikat yang akan menerima suntikan-suntikan dana itu adalah First Silikon (Malaysia) Sdn. Bhd. satu *brain child* yang dilabelkan oleh kerajaan Sarawak sebagai *brain child of* Sarawak tetapi saya akan melabelkannya sebagai *the prodigal son of* Sarawak. First Silikon (M) Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan Sarawak pada tahun 1998. Ia adalah satu semi konduktor *wafer* ……

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Minta maaf Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya masih merujuk kepada perkara 18 yang dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi.

Untuk panduan kami dalam perbahasan nanti adakah pihak-pihak lain akan diberikan peluang untuk menyertai perbahasan itu ataupun akan dikhususkan kepada pembawa usul supaya kami dapat buat persiapan ataupun persiapan-persiapan yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pada, pada……

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Usul ini datang daripada kerajaan dan kerajaan akan menjawabnya. Adakah kami akan dilibatkan dalam perbahasan atau kami tidak perlu dilibatkan dalam perbahasan, terpulang. Sebagai panduan supaya kami dapat buat persiapan kalau perlu terlibat kami akan buat persiapan, kalau tidak perlu terlibat kami..... Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pada lazimnya memang kalau usul yang dikemukakan oleh BBC memang kita memberi peluang kepada BBC, pembangkang kita beri peluang pada pembangkang, bagi setengah jam memang kita berikan kepada pihak kerajaan. Ini yang paling lazim kita dengan cara itulah. Bolehkan kita teruskan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih. First Silikon (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Sarawak pada tahun

1998. Ia adalah satu semi konduktor *Wafer Foundry*, sebuah syarikat yang ditubuhkan untuk membuat semi konduktor *Wafer Fabrication*.

Kerajaan Negeri Sarawak melalui PPES memegang lebih kurang 70% jumlah saham di First Silicon (M) Sdn. Bhd. Menurut carian syarikat yang dilakukan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia, First Silicon (M) Sdn. Bhd. mempunyai RM1.827 bilion *paid-up capital* dan daripada jumlahnya RM1.291 bilion adalah milikan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) dan RM421 juta adalah milikan Sovereign Capital Berhad dan RM160 juta yang selebihnya adalah milikan pihak-pihak yang lain.

Selain daripada memiliki ekuiti yang besar sebanyak RM1.874 bilion, First Silicon (M) Sdn. Bhd., juga sejak penubuhannya tidak pernah berhenti daripada mendapatkan pinjaman yang besar dari institusi-institusi kewangan antarabangsa. Di sini saya ada satu senarai laporan-laporan berita mengenai pinjaman-pinjaman yang dilakukan oleh First Silicon (M) Sdn. Bhd. selama ini.

Pada Mac 1999 di sini laporan surat khabarnya *"a formal ceremony today at the company's headquarters First Silicon (M) Sdn. Bhd. concluded a loan agreement in acess of USD200 million. Arccording to the company the fund will be used for the construction of it's did side micron semiconductor Wafer Fabrication project."* Ini adalah dalam Mac 1999 USD200 million.

Pada Mei 2000 di sini juga First Silicon (M) Sdn.Bhd., *announced that the US export-import Bank has approved a guarantee syndicate loan of more than USD80 million.* Ini adalah pinjaman kedua dan tiga bulan selepas itu Julai 2000 satu lagi pinjaman yang besar dari *Nomura International PLC announced today that he has completed USD180 million financing for First Silicon Wafer Fabrication Plant in Malaysia to meet part of it's funding requirement totaling about USD1 billion.* Dan satu bulan selepas itu Ogos 2000 satu lagi pinjaman dari Japan Bank. 15hb Ogos 2000 First Silicon (M) Sdn.Bhd. *announced the conclusion of a financing agreeement in respect of a loan for USD59.5 million during a signing ceremony with Japan Bank for International Cooperation.*

Empat bulan selepas itu dalam bulan Disember 2000 dari Standard Chartered Bank satu lagi pinjaman yang besar yang melibatkan USD93.75 million dipinjam oleh First Silicon (M) Sdn. Bhd. dalam December 2000. Dan enam bulan lagi selepas itu

pada 15hb Jun 2001 First Silicon (M) Sdn. Bhd., Nomura International PLC *announced today that he has completed USD250 million bond issue for First Silicon (M) Sdn. Bhd.* Setahun lebih selepas itu Oktober 2002 kali ini a Neuron of Financing in Equity and Credit di Ottawa. First Silicon (M) Sdn.Bhd., *announced today that company has received a Neuron of Financing totally USD614 million in equity and credit.*

Di sini saya akan memetik laporan beritanya: " *Of USD614 million raised, USD290 million is additional equity raised since Januari 2002 does increasing the company's paid-up capital from USD322 million to USD613 million. The other portion of the company's funding is respensented by two credit facilities amounting to USD324 million which will also be used for the purchase of semiconductor manufacturing equipment. The credit facilities consist of USD120 million source from Japan Bank for International Cooperation and Related Commercial Bank and USD204 million from US United States Export-Import Bank.*

Selepas itu dalam tahun 2004 dalam bulan Disember satu lagi pinjaman itu tadi yang saya sebutkan Sukuk Fund USD350 million. Fund yang dikeluarkan oleh kerajaan Sarawak dan dana *(fund)* ini akan disuntikkan ke dalam First Silicon (M) Sdn.Bhd. Dari angka-angka yang tersebut sejumlah USD1.537 bilion telah dipinjam oleh First Silicon (M) Sdn. Bhd. sejak penubuhannya. Bayangkan berapa wang bunga yang harus dibayar oleh First Silicon (M) Sdn. Bhd. setiap tahun. Yang lebih penting adalah bahawa kesemua pinjaman itu adalah dijamin oleh kerajaan negeri Sarawak. Jumlah itu tidak melingkungi *equity participation* yang disuntik oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam syarikat ini. Dengan begitu banyak dana yang disuntikkan dalam First Silicon (M) Sdn. Bhd., apakah *performance*nya, saya akan sampaikan di dalam Dewan ini.

Ia telah mengalami kerugian yang besar satu tahun demi satu tahun. Dalam tahun 1999 tidak ada *profit lost.* Saya akan mula dari carian syarikat saya dibuat oleh saya. *Profit and lost income statement* yang bermula dari tahun 2000 - Dalam tahun 2000 *lost after tax growth - RM79 milion.* First Silicon (M) Sdn. Bhd. sendiri -RM74 *milion lost.* Dalam tahun 2001 *lost after tax* - RM814 milion. Dalam tahun 2002 *lost after tax - RM881 milion.* Dalam tahun 2003 *lost after tax - RM732 9 milion. Total* saya sudah tak tahu kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak tahu kira atau tak tahu letak di mana.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sedang cari. Berbilion-bilionlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Okey. Mana *speech* saya? *[Mencari-cari kertas nota]*

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ada. *[ketawa]* Pelan-pelan cari jangan susah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak bagi orang lain cakap dahulu?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tak payah, tak payah. Ini adalah jumlahnya....Ha, di sini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kuching sudah bawa larikah? *[Ketawa]*

**Tuan Chong Chieng Jen:** Kuching tidak bawa lari, tak pernah lari. Saya akan menunjukkan berapa banyak itu yang telah saya sebutkan tadi. Dalam tahun 2003 - RM732.9 milion kerugian. Kerugian ini yang dialami oleh satu syarikat sahaja adalah lebih banyak daripada jumlah peruntukan dalam Bajet 2005 untuk pembangunan jalan raya dan jambatan di Sarawak yang berangka RM627 milion sahaja. Dan sejak penubuhan syarikat First Silicon (M) Sdn. Bhd. dalam tahun 1998 hingga ke 31hb Disember 2003 ia telah mengalami *total appropriated lost* sebanyak RM2.507 bilion. Ini adalah angka yang lebih banyak daripada jumlah peruntukan bagi tahun 2001 hingga 2002 *The Eighth Malaysian Plan.* Jumlah peruntukan yang diperuntukkan di bawah *Eighth Malaysian Plan* untuk pembangunan jalan raya dan jambatan di seluruh Sarawak yang hanya berjumlah RM2.45 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu *invesment* kita haruslah tahu *the future*nya. Adakah *invesment* itu ada masa hadapan *(future*nya). Saya boleh menunjukkan dari *profit and lost statement* bahawa pelaburan *(invesment)* ini tidak ada *future.* Kenapa saya sebut begitu? Kerana kalau kita lihat *income statement* untuk menentukan sama ada *invesment* ini akan memulangkan *(return),* kita melihat dari segi *revenue and cost of sell,* itu adalah *variable cost.* Kalau *revenue can assist cost of sell* mungkin ada *return* boleh dijangkakan. Tetapi sejak tahun 2002 *renevue* iaitu barang yang dijual itu dia kutip duit itu, *revenue* First Silicon (M) Sdn. Bhd., adalah RM113 juta

tetapi *cost of sell*nya adalah *variable cost* kalau awak mahu keluarkan produk kos itu yang mesti dipikul, dibelanjakan. *Cost of sell*nya adalah RM505 juta iaitu empat kali ganda. Dalam tahun 2003 *revenue* dia adalah RM170 juta tetapi *cost of sell*nya adalah RM550 juta.

Oleh itu apa maknanya dengan *ratio* ini, ia menunjukkan bahawa awak mesti membelanjakan RM4.00 untuk menerima RM1.00 hasil, itu tidak kira, itu *fees cost*, *interest cost, admin cost,* selagi itu tidak kira, hanya *cost of sale* yang akan dibelanjakan untuk mengeluarkan hasil dan kita bandingkan industri ini dengan industri-industri yang sama di tempat-tempat lain.

Pada tahun ini *firstly called technology*nya, berapa *advance* teknologinya, dia sekarang mengeluarkan semi *conductor wafer* menggunakan 0.25 mikron teknologi proses di *West* Malaysia sini, sutera telah mengeluarkan 0.15 mikron teknologi proses dan ia akan mengeluarkan *wafer* menggunakan 0.13 mikron proses dalam tahun ini. Di antaranya ada beberapa generasi teknologi 0.25, 0.22, 0.18, 0.15 dan 0.13.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat juga menyatakan banyak kerugian dan juga cara-cara *financing* yang telah berlaku *company* 1st Silicon (M) Sdn. Bhd ini. Bolehkah Yang Berhormat bagi sedikit penjelasan bahawa bagaimana dia punya proses *auditing company* itu. Adakah proses audit itu dijalankan ataupun tidak dijalankan, dari satu tahun ke tahun yang lain. Boleh jelaskan sedikit.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya akan pergi ke Audit Negara yang menjalankan audit kerajaan negeri itu nanti, tetapi saya akan tunjukkan projek ini, *investment* ini haruslah diberhentikan kerana tiada *future*. Dalam dunia ini sekarang Taiwan, Amerika Syarikat telah mengeluarkan *wafer* menggunakan 0.13 mikron teknologi proses dan sekarang mereka sedang mengkaji menggunakan 0.09 mikron teknologi. Bagaimana kita mahu mengejar, kita ada beberapa generasi *behind*, ke belakang mereka. Itu

adalah situasi yang menghadapi 1st Silicon (M) Sdn. Bhd. yang adalah satu pelaburan negeri Sarawak.

Saya amatlah kesal tadi Yang Berhormat bagi Puchong telah sebut, apakah audit syarikat ini menunjukkan Audit Negara kita yang menjalankan pengauditan negeri Sarawak, menjalankan pengauditan pengurusan kewangan Sarawak. Di sini langsung tidak ada sebutkan 1st Silicon (M) Sdn. Bhd. dan saya boleh tunjukkan, di muka surat roman 'a', inti sari. Dia berkata pengurusan kewangan di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Perbendaharaan Negeri adalah baik dan kalau kita lihat pelaburan yang di muka surat 52 itu, audit negeri Sarawak tahun 2003, semakan auditnya mendapati bahawa pelaburan kerajaan negeri dalam syer dan dividen telah memulangkan satu dividen RM39.44 juta.

Pandangan audit secara amnya pengurusan pelaburan adalah baik, pelaburan dibuat mengikut peraturan dan rekod di selenggara dengan teratur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kalabakan, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabalakan]:** Yang Berhormat bagi Bandar Kuching kita telah meneliti juga ucapan-ucapan mengenai anak syarikat negeri Sarawak, 1st Silicon, ditubuhkan tahun 1998, hingga 31 hari bulan 12, kerugian adalah RM2.5 bilion. RM2.5 bilion ini kalau kita anggap, ini malapetaka Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Bandar Kuching ada memperincikan tahun-tahun, hanya tahun 1998, 1999 dia tidak ada *figure*. Mungkin kita boleh dapat *figure* yang awal, mungkin lebih daripada RM2.5 bilion kerugian dihadapi oleh satu syarikat kerajaan negeri. Apa yang saya fikir sekarang Bank Negara sepatutnya tidak boleh berdiam diri, kerana dari satu tahun ke satu tahun nampak prestasi syarikat menurun, Bank Negara mesti campur tangan.

Kerana kita tidak boleh biarkan hasil daripada syarikat ini menurun, menurun hingga rugi berbilion-bilion, ini satu malapetaka. Minta supaya dapat laporan yang terperinci lagi dari Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya pun mahu maklumat yang lebih terperinci tetapi kita di Dewan ini, kita haraplah pengauditan negara kita untuk menjalankan pengauditannya dan kerja auditnya dengan baik dan mendalam, tetapi di sini satu malang tercapai….

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Malapetaka…..

**Tuan Chong Chieng Jen:** ……malapetaka mengenai pengurusan kewangan telah dilakukan tetapi tidak ditunjukkan langsung, di sini ada laporan tentang PPES di muka surat 455, pendapatan RM58.28 juta. Perbelanjaan RM26.03 juta, di mana itu kerugian perbelanjaan yang dialami oleh 1st Silicon sebagai satu subsidiari Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES)…….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kuching…. *[Bercakap dalam bahasa Cina]…..*

**Tuan Chong Chieng Jen:** *…..[Bercakap dalam bahasa Cina]…..[Ketawa]……*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya mahu tanya sedikit Kuching. Adakah kerugian ini kemungkinan duit-duit di dalam negara kita ini dihantar keluar, ke negara asing ataupun *partner* yang di usaha sama negara asing itu mengambil duit ini keluar kerana ada juga peristiwa yang berlaku di Malaysia baru ini di mana mereka telah *money laundering* dan sebagainya. Adakah ini ada berkaitan dengan ini Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya tidak tahulah bagaimana itu dibelanjakan secara besar-besaran tetapi itu adalah *report* yang diberi oleh *First Silicon* itu sendiri dan itu langsung tidak dalam prinsip *accounting* satu *subsidiary* kewangan dia, laporan kewangan dia harus di *consolidate* kan sebagai *group accounting.* Kenapa ini tidak dilakukan?. Perbelanjaan yang RM26.3 juta sahaja manakala dia sudah ada walhal dia satu *subsidiary* sahaja perbelanjaan yang begitu besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sudah, tidak saya akan gulung. Oleh itu saya harap lah Jabatan Pengauditan boleh masa depan boleh menjalankan pengauditannya dengan lebih mendalam dan kita sebagai Ahli Parlimen kita harapkan kamu untuk meng *highlight, highlight the impropriety* kesalahan-kesalahan dalam pengurusan kewangan. Kalau dalam satu kerugian yang lebih sebegitu besar tidak di *highlight* kan kepada kita

apakah *purpose* untuk menjalankan pengauditan dan penjalan untuk jalan dalam *accounting* itu adalah *material in financial information.*

*It must be highlighted, it must be consolidated into the paren company, holding company's account.* Kenapa ia tidak dilakukan?. Dan lihat sini antara 22 badan berkanun, 1, 2, 3, 4 dalam *net assets deficit* dan antaranya terbesar sekali adalah MPS, kenapa ia di *hightlight* kan. Tidak diberitahu dengan spesifik kepada kita supaya kita boleh berbincang perkara ini.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Tuan Chong Chieng Jen:** Oleh itu, saya menyeru supaya audit tahun depan memberikan kita semua senarai pelaburan yang dijalankan oleh MPS. Ini hanya satu sahaja ada beberapa lagi yang saya tidak tahu dan mungkin telah berlaku kerugian yang besar tetapi kita mesti harus tahu kerana itu penjamin pinjaman adalah dijamin oleh kerajaan, Kerajaan Malaysia Dewan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Terima kasih Yang Berhormat daripada Bandar Kuching yang begitu berminat dengan *first silicon*. Kalaulah kita membuat bisnes kalau kita rugi tentu kita berazam untuk mendapat keuntungan lagi begitu juga dengan *first silicon* saya rasa. Kalau dia rugi dia mesti berazam untuk membaik pulih syarikat agar dia boleh dapat untung lagi dan dapat manfaat.

*First silicon* kalau yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Bandar Kuching untuk gulung tikar iaitu menutup dia punya kilang. Bagaimanakah dia boleh *recover* atau mendapat balik pelaburan itu yang pertama. Yang kedua, apa yang *first silicon* buat melalui *Nomura Lade Financing* dan juga senarai di dalam *Luxembourg Stock Exchange*. Bukankah ini satu usaha bagi *first silicon* untuk baik pulih, untuk *recover* dan memajukan perdagangan mereka. Sila jelaskan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Untuk *to recover*, kita mesti memandang masa depannya, ada fu*ture* tidak?. Itu wang sebanyak RM2.5 billion. Kalau itu duit kita sendiri, kita apa rasanya dalam *business investment* dia ada satu konsep *cut loss* itu adalah konsep *kind to cut loss*. Awak lihat itu *cost of goods sell and revenue, spend*

*four dolars to ern one dollar.* Apakah bisnes itu?. Yang Berhormat saya fikir jika itu duit Yang Berhormat, Yang Berhormat juga akan tidak sudi lanjutkan. Inilah ada prinsip *cuts loss* dan keduanya *financing*, kenapa dia mendapat *financing* kerana terdapat jaminan kerajaan. Kalau itu kompeni bankrap kerajaan bayar. Oleh itu, *bank-bank international* beri pinjaman*…….*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Bandar Tuan Chong Chieng Jen:** Oh, gulung sudah.-

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong, ya.

**Dr. James Dawos Mamit:** Sedikit boleh? Saya ingin bertanya ini tentang *rating first silicon* ini *bond silicon* di Luxemburg *Stock Exchange*. Apakah maknanya kalau bond daripada *first silicon* ini *rating* dia *triple* B iaitu BBB/BAA3 daripada *standard enforce and bodies investors service limited*. Apa maknanya *rating* ini? Adakah yang baik……..

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini ialah baik.

**Dr. James Dawos Mamit:** Ataupun tidak baik.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ini *rating* yang baik, ini *rating* yang baik kerana saya rasa ada baca kerana ada jaminan, kerana ada penjamin, penjamin yang kukuh, *position* kewangan dia. Penjamin itu adalah Kerajaan Sarawak, oleh itu dia terdapat itu *rating* yang baik bukan kerana *first silicon* sebagai satu syarikat yang mendapat itu *rating* tapi itu *bond*, kerana *bond* itu dijamin oleh Kerajaan Sarawak. Oleh itu saya haraplah masa depan, tahun depan audit ini akan menunjukkan senarai pelaburan MPS supaya kita lebih tahu di mana duit kita telah dibelanjakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Puchong.

**11.47pg.**

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahas mengenai pindaan Akta Pelaburan Kerajaan 1983. Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana meminda akta ini supaya surat cara ataupun instrumen-instrumen yang

akan ditepikan oleh kerajaan ini dia ada had masa nya maksud saya ialah dalam jangka masa pendek, dan juga dalam masa yang sederhana dan panjang.

Kepentingan perbankan Islam dan juga perkhidmatan kewangan Islam ini semakin hari semakin penting terutamanya di negara kita ini dan daripada laporan Bank Negara dan juga diterbitkan baru-baru ini bahawa perkhidmatan kewangan ini telah bertambah ataupun berkembang sebanyak 19 peratus iaitu lebih kurang 10.5 peratus daripada jumlah aktiviti-aktiviti perbankan *conventional* yang terdapat di dalam negara kita ini.

Dari segi deposit dan juga pembayaran juga mengikut laporan juga bahawa perkhidmatan perbankan Islam telah mempunyai tempatnya yang tertentu iaitu kalau dari segi deposit pula kita tahu dia ada lebih kurang ada mempunyai 11.2 peratus dan juga dari segi pembiayaan dia ada 11.3 peratus. Apa yang saya nyatakan di sini ialah potensi untuk perkembangan dan juga pertubuhan kemudahan-kemudahan perkhidmatan perbankan Islam ini di negara kita ini memang cerah dan juga akan berkembang dengan satu kadar yang lebih tinggi di masa-masa yang akan datang lagi.

Tuan Yang di-Pertua di sini saya ada beberapa persoalan mengenai pindaan di sini. Yang pertama saya hendak tanya sedikit mengenai Majlis Penasihat Syariah di bawah Bank Negara yang telah ditubuhkan khas untuk sebagai satu *wash stock* kepada penerbitan-penerbitan instrumen ataupun bond-bond ataupun surat cara-surat cara di masa depan. Kerana mengikut laporan di Bank Negara sini peranan utama MPS ini ialah untuk mencari seorang penimbang tara ataupun pencerita kalau ada pertikaian berlaku.

Yang satu lagi ialah mengenai mengesahkan produk-produk dan perkhidmatan mengikut prinsip-prinsip syariah dan ini adalah dua fungsi utama MPS ini dan bagi saya, saya ingat ini terdapat sedikit percanggahan di antara satu sama lain.

Kerana kalau MPS dia mengesahkan sesuatu produk ataupun perkhidmatan mengikut prinsip syariah, pada masa yang sama dia juga melakukan ataupun menjalankan peranan sebagai penimbang tara kalau sesuatu pertikaian berlaku. Apa yang saya bimbang ialah mengenai kalau sesuatu pertikaian berlaku di antara Kerajaan Malaysia dengan pemegang-pemegang bon di luar negara, terutama di Timur Tengah, adakah keputusan MPS ini akan dihormati.

Saya hendak tahu sedikit mengenai apakah penjelasan daripada kementerian mengenai ini. Kerana kalau pertikaian itu melibatkan pihak-pihak luar, terutama daripada negara-negara Arab dan sebagainya di sebelah timor ini, kalau ini tidak boleh diselesaikan ataupun dikompromikan, adakah ini bermakna pertikaian ini akan dialihkan kepada mahkamah konvensional iaitu mahkamah biasa untuk menyelesaikan sebarang pertikaian. Saya hendak tahu sedikit mengenai peranan MPS ini.

Saya terus kepada pindaan kepada Fasal 6 dan juga Fasal 8. Dalam Fasal 6, ini telah memberikan kuasa yang bagi saya adalah sangat besar kepada menteri yang berkenaan untuk menerbitkan sebarang terbitan, surat cara ataupun instrumen di bawah pindaan ini. Tetapi pada masa yang sama dalam Fasal 8 di mana Bank Negara telah memberikan kuasa untuk menentukan terma-terma ataupun syarat-syarat surat cara ataupun instrumen itu, bayaran bagi tiap-tiap surat cara yang diterbitkan di bawah akta ini dicadangkan oleh Bank Negara dan ini bermakna satu pihak yang boleh memberi kuasa untuk menerbitkan sebarang surat cara ataupun instrumen, dalam masa yang sama satu pihak lagi iaitu melalui MPS, dia yang menentukan terma-terma dan juga syarat-syarat terbitan itu dan ini mungkin timbul beberapa persoalan mengenai kerenah birokrasi ataupun *red tape,* mungkin buang masa dan sebagainya.

Saya hendak tahu sedikit, apakah penjelasan daripada kementerian mengenai pindaan di sini. Ini penting kerana baru-baru ini juga kita tahu bahawa saya telah membaca satu *report* ataupun satu surat khabar pada 26 April bahawa *World Bank* sekarang cuba untuk menerbitkan *Islamic bond* sebanyak RM1 bilion. Ini menunjukkan bahawa institusi-institusi penting dalam dunia ini telah memberikan satu *recognition*, dengan izin, kepada kepentingan *Islamic bond* ini kepada seluruh dunia ini.

Dan juga baru-baru ini kita sudah tahu di dalam surat khabar juga satu *power plant* di Port Dickson, Negeri Sembilan juga menerbitkan satu bon lebih daripada RM5 bilion secara *Islamic bond*. Ini menunjukkan bahawa perkembangan perkhidmatan dan juga kemudahan-kemudahan perkhidmatan *Islamic facilities* dan juga *banking* ini juga semakin hari semakin bertambah. Persoalannya sekarang ialah mengenai beberapa soalan yang saya hendak tanya juga kepada kementerian mengenai *credit rating*. Siapa yang buat *credit rating* mengenai bon-bon yang diterbitkan oleh pihak kerajaan? Adakah *credit rating* yang telah dibuat sebagai contoh, ABM Amro ataupun Standard & Poor, ini

akan diiktirafkan oleh MPS ataupun Bank Negara ataupun diiktirafkan *credit rating* yang dibuat oleh Bloomberg, Morgan Stanley dan sebagainya, adakah ini akan di"*recognize*"kan sebagai satu *credit rating* yang sah dari segi *Islamic principle* - syariah *principle*. Itu satu.

Saya juga tahu kalau terbitan-terbitan bon ataupun sekuriti-sekuriti yang besar mungkin kita akan menjalankan *underwriting*, isu *underwriting*. Kalau sesuatu terbitan itu *underwriting* dia ataupun diatur oleh sesuatu agensi yang bukan mengikut satu agensi perbankan itu mengikut konvensional, adakah ia in akan diiktirafkan sebagai satu proses perbankan secara Islam ataupun syariah ini. Ini saya tahu ini memang penting terutamanya untuk kemudahan-kemudahan konvensional ataupun *bankers* konvensional, mereka hendak tahu apakah ini akan memberi satu implikasi yang positif kepada perkembangan mereka. Saya hendak tahu juga ini.

Pada masa yang sama, saya juga ingin tahu sedikit mengenai perubahan ataupun pindaan di dalam Fasal 9(13), (14), (18) dan (19) ini yang bertujuan untuk meminda akta ini untuk mencerminkan amalan semasa perdagangan dan pemindahan surat cara Islam yang diterbitkan oleh kerajaan di bawah sistem tanpa skrip (*script less system)* dan saya hendak tahu apakah infrastruktur yang telah disediakan. Adakah kita ini bersedia untuk menjalankan satu perbankan secara Islam ini tanpa skrip. Ini satu persoalan yang saya hendak tahu sedikit juga.

Juga persoalan mengenai pendidikan kepada *bankers*, terutamanya *bankers* yang konvensional ini mengenai kemudahan dan juga perkhidmatan perbankan Islam.. Apakah program dan juga apakah rancangan kerajaan, terutamanya di bawah Bank Negara untuk mempromosikan kemudahan dan juga perkhidmatan ini kepada *bankers* konvensional? Sebab kita tahu perbankan secara Islam ini, terutamanya faktor utama mengapa perbankan Islam ini dapat diterima secara umumnya mungkin kerana kos perbankan ini adalah rendah ataupun mengikut cara Islam itu rendah, maka di sini kita harus memberikan tumpuan dan juga pendidikan yang lebih mendalam lagi mengenai perkhidmatan dan juga perbankan Islam ini di bawah pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya hendak cakap untuk pindaan ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai, selepas itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan selepas itu kementerian menjawab.

**11.57 pagi.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan Yang Berhormat bagi Puchong tentang *World Bank* akan mengeluarkan bon secara Islam. Saya berharap juga sama ada kesahihan pelaburan saham-saham itu sama ada ia benar-benar boleh dianggapkan sebagai sah, sebagai yang tidak waswas kerana kita tahu kalau *World Bank* mungkin pelaburan dia datang dengan bermacam-macam.

Jadi kalau kita beli dan sebagainya mungkin pembelian itu tidak wajar bagi orang Islam beli. Jadi yang ini saya kira harus kita ambil kira. Walau bagaimanapun kita menghormati kerana perbankan secara Islam ini bertapak di Malaysia dan hari ini dunia Islam lain pun sudah mengamalkan perbankan secara Islam, malah bank-bank yang dahulunya macam Standard & Chartered Bank, Hong Kong & Shanghai Bank, yang dahulunya sunyi dari segi perbankan Islam tetapi hari ini mereka telah bergerak kerana mereka melihat perbankan secara Islam ini lebih baik, lebih mudah dan lebih menguntungkan.

Mungkin juga negara-negara lain akan turut sama cara kita mengembangkan perbankan secara Islam ini dan satu hari nanti apabila bank-bank ini mengamalkan perbankan secara Islam, maka pertukaran dinar akan dapat kita lakukan. Kalau di sebelah Europe, *euro*, kalau Amerika, *American dollar,* mungkin apabila cawangan bank-bank perbankan Islam ini banyak, maka kita akan menggunakan wang dinar sebagai...

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh, sahabat, terkejut saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, bila saya nampak Yang Berhormat bagi Jerai sudah cerita pasal *Islamic bond*, saya ada tertarik sedikit mahu tanya satu, dua perkara. Mungkin Yang Berhormat bagi Jerai boleh mencadangkan

kerana dalam *paper* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong tadi, ada RM1 bilion *Islamic bond* dikeluarkan, jadi kita mahu tahu juga kalau bank-bank ini mengeluarkan *Islamic bond*, dia punya perniagaan ini dari segi barang yang kita nampak, dari segi mata Islam tidak halal – perjudian dan lain-lain, sama ada itu bolehkah mereka ini menerima penasihat syariah ini daripada negara kita kerana kalau sudah cerita pasal keuntungan, mereka boleh berniaga apa sahaja walaupun bukan halal, sudah dinamakan *Islamic bond*, jadi dia halal sahaja. Apa macam pendapat Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini pendapat yang cukup baik kerana ini kita berpegang pada akhirat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak masuk dalam ucapan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Masuk dalam ucapan saya, ini satu pandangan bukan setakat di dunia tapi di akhirat. Yang Berhormat Kalabakan memperingatkan MPS ini supaya mengkaji tentang *Islamic Bond* ini yang akan dikeluarkan oleh *World Bank* supaya kita jangan tertipu. Kadang-kadang kita tahu, kita sedar bahawa perbankan di peringkat dunia ini dikuasai oleh orang-orang Yahudi. Yang ini kita jangan nafikan, orang Yahudi menguasai ekonomi dunia dan menguasai perbankan dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya sebenarnya hanya untuk memperingatkan saja sebab kita mahu tahu, MPS ini sampai mana dia punya kuasa? Kalau *World Bank* sudah buat ini semua, kemudian bolehkah MPS *overall* kalau dia katakan tidak boleh? Kerana orang Islam tidak boleh menerima wang seperti ini. Ha, ini kita mahu tahu juga dia punya kuasa, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Satunya MPS juga boleh menjadi penasihat kepada OIC. Kita adalah pengerusi OIC jadi kita kena kaji kerana pertamanya kita berbangga kerana *World Bank* akan mula menjual bond-bond secara *Islam banking* ini. Tetapi melalui OIC juga kita boleh mengkaji apakah jenis-jenis pelaburan yang mereka laburkan ataupun perniagaan yang mereka niaga kan supaya kita jangan tertipu oleh sebab nama Islam. Kerana depa tahu negara-negara Islam ini

mungkin duit banyak dan umat-umat Islam ini mungkin ada duit ataupun kita nampak bahawa bila kita kata *Islamic banking* ini, *banking* yang paling sesuai maka kita terperangkap sedangkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak sesuai dengan ajaran agama Islam kita.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, akhir ini saya dapat lihat dalam akhbar bahawa EPF akan melabur di luar negara. Ada yang mengatakan bagus, ada yang mengatakan tidak bagus. Saya membaca satu wawancara dalam akhbar Utusan di antara CEO nya dengan pemberita Utusan, dan saya ikuti dengan baik. Ada baiknya, ada tak baiknya iaitu melabur wang di dalam negara dan di luar negara. Kerana beliau mengatakan EPF mempunyai wang yang begitu banyak, CEO nya berkata berbilion-bilion. Sehinggakan CEO tu tidak tahu hendak meletakkan duit itu di mana, dia dah pening, duit banyak. Kalau dia tak boleh labur, dia nak bayar dividen tak boleh. Puchong ya.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerai. Pelaburan di luar negara oleh EPF ini ialah satu yang utama untuk menentukan keuntungan atau kerugian adalah panel pelaburan yang dikendalikan oleh EPF. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa panel pelaburan ini mesti daripada ahli-ahli profesional yang betul-betul tahu apakah pelaburan di luar negara, mesti ada penganalisis risiko dan juga profesional yang betul-betul untuk membuat kerja yang memberikan pulangan yang lumayan kepada EPF. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa satu *restructuring* dengan ahli-ahli pelaburan di EPF sekarang ini dibuka. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang Yang Berhormat Puchong, EPF ada jawatankuasa pelaburannya tetapi sejauh mana jawatankuasa ini pakar di dalam pelaburan peringkat antarabangsa kerana peringkat antarabangsa ini penyangak dia banyak, penyangak cukup banyak. Dia boleh datang kepada kita dengan bermacam-macam, dia boleh beli negara kita macamlah penyangak diesel. Jadi kita kena fikir dan bila saya tengok dalam akhbar tu, ada yang rasa seronok dengan CEO tu, tapi ada yang tak seronok. Dia kata kita tak boleh dengar sangat cakap daripada luar, kita terlalu dengar cakap luar, sekarang ini dengar daripada Parlimen, cakap daripada luar, kita tak boleh buat kerja apa. Janganlah cakap macam tu, takkanlah orang tak boleh tegur. Kita ahli Parlimen pun orang tegur kita tak marah, saya orang tegur saya

tak marah. Kerana kita hak masyarakat, hak rakyat, tegurlah kalau tak betul. Ini kalau kita tegur orang, orang marah, tak boleh tapi saya nak kena tegur.

Jadi dia kata, kita tidak letak semua telur dalam satu raga, maknanya tak boleh melabur semua dalam Malaysia, kalau apa-apa jadi habis. Kamu tak percaya dengan negara Malaysia ke? Kita rakyat Malaysia tapi kita cakap macam tu, kita nak kena labur telur ini jangan dalam satu raga, sekarang ni EPF melabur di dalam Malaysia, dia takut apa-apa jadi di Malaysia dan telur ni pecah habis. Pecahlah dalam negara kita, sekurang-kurangnya boleh juga rasa telur meleleh tu. *[Ketawa].* Kalau pecah di negara orang, apa pun tak nampak. Tak apa, tak apa, saya bukan pakar dalam bidang ekonomi tetapi memahami apa dia *world economy* dan *domestic economy. I can understand because we learn day by day* dengan izin. Saya nak minta pada EPF, kita faham sebagai CEO, sebagai jawatankuasa pelabur dalam EPF, duit banyak tidak tahu nak labur di mana akhirnya pencarum akan marah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Tangga Batu, *alright, alright. How are you today?*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *I'm fine thank you.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya berminat fasal bila sebut fasal EPF ini, adakah Yang Berhormat Jerai hendak mencadangkan kepada pengurusan dan pentadbiran EPF untuk melihat bagaimana sebuah negara yang berjaya mengurus dan mentadbir dana EPF mereka iaitu salah satu daripada negara yang mungkin akhir sekali kita nak belajar ialah Singapura, bagaimana mereka mengendali dan mengurus CPF mereka sehinggakan tak dapat mengenal pasti mana hak mereka dan mana hak rakyat Malaysia yang pernah berkhidmat di negara mereka. Apa komen Yang Berhormat tentang itu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Itulah kita kata konsep penyangak. Dia kira hak dia saja sampai orang kita pergi kerja di negeri dia, kita nak ambil balik tak boleh. Yang ini adalah satu lagi perbuatan yang bercanggah dengan hak asasi manusia, titik peluh orang, nak ambil balik jadi masalah, bagi syarat itu dan ini. Kita tak buat macam tu, EPF kita tak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Maran bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sila Maran.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jerai. Kalau tak silap saya, maklumat semalam RM1.9 bilion duit tabungan EPF ini dipersetujui oleh Kabinet untuk dilaburkan di luar negara dan ini disebut. Dan saya pun bersetuju dengan Jerai, saya perhatikan nampaknya kesungguhan pihak EPF hendak melabur di luar negara yang kita belum pasti sama ada boleh untung atau tidak. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, duit dalam ni adalah duit kita semua dan duit penyimpan-penyimpan. Saya pernah mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya EPF memberikan peluang kepada kakitangan awam yang menyimpan ini supaya mengeluarkan duit mereka lebih awal untuk mereka menunaikan haji di Mekah tapi pandangan ini tidak disambut dengan baik oleh EPF. Pada saya, saya minta pandangan Yang Berhormat Jerai, apa sebenarnya kepentingannya, sama ada kepentingan di luar negeri ataupun kepentingan kepada ahli-ahli, pelabur-pelabur di sini ataupun pencarum-pencarum dalam EPF di sini. Sila beri pandangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi bermaknanya pihak EPF tak faham Rukun Islam yang kelima itu. Rukun Islam yang kelima ialah menunaikan fardu Haji, itu salah satu jika mampu. Jadi kalau dia sudah ada duit dalam EPF, dia bukan nak pergi joli, bukan nak pergi makan angin. Dia nak pergi ke rumah Allah SWT, nak pergi ke Makam Rasulullah, nak buat ibadat, sekurang-kurangnya dia pergi, dia doa balik, *"Ya Allah ya Tuhanku, kau untungkan EPF, bagilah dividen yang lebih",* mungkin dia akan doa. Jadi apa salahnya EPF bawa keluar duit itu, kalau dah kata duit sampai berbilion-bilion tak kan nak bawa keluar sikit tidak boleh. Kawan tu nak pergi buat kerja baik. Ni sat ni mai pencen, dah kena strok baru nak pergi Mekah Tuan Yang di-Pertua, jenuh diheret kaki.

Saya biasa tengok dulu, nasib baik laa ni pakai *wheelchair.* Dulu, orang tua-tua tidak larat, dia tanggung. Kawan dok di atas itu melelong. Hak di bawah dok pelari pusing Kaabah nu, tujuh kali pusing. Menonong hak duduk di atas itu dok pegang, sampai tak dan baca doa kawan itu. *[Ketawa]* Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Laa ini dia pakai *wheelchair* boleh tahanlah. Itu pun, masa Saie, dia tolak orang tua itu, terebah. Brek-brek tersembam. *[Ketawa]* Tak dan amin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terlampau laju Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Laju sangatkah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin**: Laju. *[Ketawa]* Takkan tak tahu jenis Arab ini. Dia tangkap trip Satu trip berapa rial. Dulu, saya tahulah masa tidak ada *wheelchair* lagi, dia bubuh orang tua itu atas kandar itu, empat orang. Empat orang dok pegang, orang tua itu duduk di atas. Lepas-lepas Saie itu menonong, pitam. Nu, tujuh kali dia bawa macam ribut. Sampai tak dan baca doa. Takkan umur tera itu baru EPF hendak bagi. Jadi, bagilah apa salahnya. Kita mencadangkan pertamanya untuk pendidikan anak, untuk menunaikan fardu Islam yang kelima dan mungkin untuk kesihatan dah dok bagi dah, bagi.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kota Bharu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Kota Baharu. Ini, kolera baik dah Kota Baharu? *[Ketawa]*

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai mengatakan bahawa kita di dalam EPF dan badan-badan lain yang kerajaan ada membuat pelaburan, kita ada panel penasihat. Yang Berhormat bagi Jerai juga mengatakan mereka ini juga orang-orang yang berkebolehan, profesional dan sebagainya . Saya percaya kita juga tidak kurang kebolehan orang-orang profesional ini dalam EPF dan sebagainya . Mungkinkah masalah yang kita hadapi ini timbul kerana orang-orang yang diamanahkan untuk membuat tanggungjawab ini, melaksanakan tugas ini kadang-kadang di*overruled* oleh orang-orang politik, yang menyebabkan kerugian, yang menyebabkan dasar-dasar ataupun keputusan mereka yang tidak dapat dilaksanakan. Kerana seperti yang kita tahu walaupun kita orang politik ini boleh menegur, kadang-kadang kita tidak tahu semuanya, seperti jugalah mereka tidak tahu semuanya. Tetapi, kalau kita boleh menghormati kepakaran masing-masing, mungkin

masalah yang ditimbulkan itu boleh diselesaikan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah tentu Yang Berhormat bagi Kota Baharu. Ini adalah wang rakyat. Ini adalah amanah rakyat, duit titik peluh orang buat kerja, daripada muda sampai ranum, bekerja.

**Seorang Ahli:** Apa itu ranum?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ranum maknanya sampai berumurlah. Macam kita ini baru dia masak-masak elok. *[Ketawa]* Hak ranum itu boleh ramas buat cucur kodoklah. Itu pun kalau buat cucur kodok makan minyak lagi. *[Ketawa]* Kena bubuh tepung lebih sikit. Jadi, teruk depa Tuan Yang di-Pertua, bagilah. Kalau ada duit banyak, saya faham. Duit ini adalah amanah dan harapan penabung-penabung supaya depa dapat sikit dividen di atas pelaburan itu. Sudah tentu mereka hendak dividen yang terbaik dan saya hendak juga KWSP ini, macam baru ini bila PTPTN ini hendak minta duit......

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Santubong bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ..... hendak minta duit...... Ya, sila Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya setujulah daripada hala tuju perbincangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jerai itu. Saya juga ingin bertanya sama ada daripada pandangan Yang Berhormat bagi Jerai, dulu kita dimaklumkan bahawa pihak EPF ini sebagai satu badan yang memegang, sebagaimana Yang Berhormat bagi Jerai telah sebut, duit kerajaan dan duit pegawai-pegawai kerajaan, orang-orang lain yang memberi sumbangan kepada EPF ataupun memberi tabungan kepada EPF dan apa sahaja pelaburan yang dibuat ialah mesti dibuat dengan cara berhati-hati supaya memastikan, ini soalan kadang-kadang laporan ini, memastikan keuntungan akan didapati, bukan kerugian.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, oleh kerana kita mengagihkan begitu banyak sekali, RM1.9 bilion untuk dilaburkan ke luar negara, bagaimanakah jaminan yang boleh didapati supaya ini tidak lagi dalam keadaan berhati-hati ini dan jaminan itu tidak boleh

dibuat kepada penabung kepada EPF ini. Dengan itu nanti, berbangkitlah soalan bahawa dia punya kerugian berlaku dan akhirnya mengena pihak-pihak yang menabung dan tidak dapatlah EPF ini memberikan dividen-dividen yang sepatutnya diterima kalau dilaburkan dengan cara berhati-hati. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang tepat pandangan Yang Berhormat. Itu pun CEO dia kata RM1.9 bilion sikit. Dia hendak banyak lagi. Jadi, buatlah dulu. Buatlah sikit-sikit dulu. Sat-ni dok pi perap, rejam semua, telur yang kata pecah di Malaysia ini, pi pecah negeri lain, masa itu kulit telur itu pun tidak jumpa dah. Jadi, kita memperingatlah. Dan kita hari ini pun apa salahnya EPF ini, bagi pinjaman dalam negara. Kita perlu duit untuk bangunkan negara kita. Tadi saya habaq PTPTN ini, apa salahnya? Duit ini kita hendak bagi dekat siapa? Ini, dekat budak-budak ini yang hendak pi universiti tidak lama ini, cik-cik semua ini. *[Menghala kepada rombongan pelajar-pelajar di galeri awam]* Ini, abang dok bertengkar dalam Parlimen ini untuk hampalah. Belajar elok-elok na. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Kinabatangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini tidak bagi tidak boleh, *bouncer*. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Baru-baru ini terdapat kecenderungan daripada kerajaan-kerajaan negeri hendak meminjam kewangan daripada KWSP. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa wajar bagi KWSP untuk melabur kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berkemampuan untuk membuat perniagaan dalam industri yang mereka telah kenal pasti? Apakah Yang Berhormat juga ingin mencadangkan bahawa peminjaman ini hendaklah diurus secara bijaksana supaya wang kerajaan, wang rakyat itu, wang pencarum itu tidak disalahgunakan? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju. Macam Negeri Sembilan. Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan adalah seorang tokoh korporat dahulu. Dia pi tinggal jawatan dia. Dia seorang CEO yang berpengalaman dalam perniagaan. Kalau saya, saya tidak mahu tinggal jawatan itu, gaji besar. Mai jadi

Menteri Besar, gaji banyak mana sahaja, penyakit banyak. Dalam dok jadi Menteri Besar pun, dua kali dah pergi IJN, punya hendak berjuang untuk rakyat. Dia tahulah macam mana dia hendak berniaga. Dia hendak buat hala perniagaan negeri itu. Kita bagi, apa salahnya? Kerajaan negeri, awat kita percaya kerajaan luar negeri lagikah daripada percaya hak dalam negeri kita ini? Ini, kalau kita hendak melabur, hendak melabur di Sabah, satu-satu jenis benda yang boleh menguntungkan, fasal apa kita kadang-kadang pi pinjam duit luar nu? Hendak buat program untuk rakyat, pi pinjam duit luar negara, sedangkan duit dalam negara, ni dia, sampai tidak tahu hendak belanja. Kalau saya dok tang EPF itu perasan.......

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Puchong, sila.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Memang saya menyokong kalau EPF boleh pinjam kepada negeri-negeri, terutama negeri yang miskin ataupun sedang membangun. Tetapi, EPF juga sebagai satu institusi yang memegang amanah pencarum-pencarum wang rakyat Malaysia, kalau mengikut sejarah, kalau ada negeri-negeri ataupun badan-badan kerajaan yang tidak boleh *pay back* dengan izin, apa yang telah dipinjam itu dan ini merupakan satu sejarah yang bagi saya yang pahit. Maka, EPF akan bertanggungjawab wang itu. Apakah pandangan Yang Berhormat bahawa ini satu proses penilaian, *whether* orang kata apa, *feasibility study* dengan izin itu, mesti dijalankan sebelum sesuatu pinjaman diberikan kepada negeri-negeri tertentu. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju. Memanglah macam saya kata tadi duit rakyat. Jadi, kita hendak bagi, kita kena berhati-hati, buat kajian yang terperinci. Pastikan ROI dia itu ada. Jadi, yang ini kita kena ada, barulah boleh. Kita tengoklah macam kata baru ini, saya difahamkan Negeri Sembilan hendak pinjam duit ini kerana hendak ambil tanah FELDA manakah hendak *develop* dan sebagainya. Ini adalah satu program untuk membangunkan negeri, memberi pertumbuhan ekonomi juga kepada negeri itu. Jadi, kena bagilah. Macam di Kedah,

mungkin kerajaan Kedah ada perancangan tetapi tidak ada kewangan. Perancangan itu boleh menguntungkan. Kalau kita pi dekat EPF, EPF *steady*lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kudat, Kudat bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kudat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Haa, Kudat. Sila.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau kita melihat tentang sejarah yang berlaku di dalam pelaburan luar negara, khususnya yang melibatkan syarikat-syarikat kerajaan, sudah tentu ianya menjadi satu ketakutan kepada kita.

Terdapat suatu keadaan seperti mana yang berlaku di dalam skandal BMF, demikian juga skandal Maminco dan yang terpenting ialah pada lebih kurang sedekad yang lalu kita mengalami kerugian yang besar di dalam spekulasi forex yang melibatkan lebih kurang 10 bilion ringgit dan ini adalah merupakan satu pengajaran yang besar. Sebab itu saya percaya Yang Berhormat Jerai, dapat memberikan peringatan kepada kerajaan supaya berhati-hati tentang jenis pelaburan serupa ini, dan seperti mana yang kita tahu bahawa setiap pelaburan walaupun terdapat jawatankuasa pelaburan yang ditubuhkan untuk memantau dan menyelia pelaburan-pelaburan ini. Tetapi biasanya pelaburan-pelaburan ini akan diserahkan kepada *fund managers* ataupun pengurus-pengurus dana asing yang kadang-kadang kita tidak mempunyai kawalan terhadapnya, kerana apabila pelaburan ini dibuat apa lagi pelaburan-pelaburan yang bersifat pelaburan ekuiti, ianya dilakukan dengan begitu cepat yang tanpa mendapat kawalan yang begitu berhati-hati daripada jawatankuasa pelaburan. Jadi saya fikir sebab itu berlaku beberapa keadaan di mana syarikat-syarikat ataupun unit trust amanah kita, yang menghadapi kerugian kerana kita tidak dapat mengawal *fund managers* ini, dan saya percaya sekiranya EPF membenarkan *fund managers* ini tanpa kawalan yang bersungguh-sungguh sudah tentu ia akan membawa satu *disasters* yang kita tidak ingini. Setujukah Yang Berhormat Jerai dengan pendapat ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bukan setakat setuju, masuk dalam ucapan saya. *[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa dan sorak Ahli-ahli Parlimen]* Masuk ya? Fasalnya biasa menjadi duta perniagaan duta kita di Taiwan, dia

tahulah pasal *fund managers* ini. Kita takut *fund manager*, dia guna duit itu untuk *fun*........

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Enjoy and having fun with our money, we cannot allow that to happen, never ever,* dengan izin.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat ada tajuk lain lagikah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak ada, mengenai dengan PTPTN ini, saya hendak minta EPF jangan asyik memikirkan sangat PTPTN ini adalah diluluskan penubuhannya di Dewan Rakyat yang mulia ini untuk menolong orang-orang miskin pergi melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau KWSP hendak berkira wang sangat, mereka tidak percaya pada kerajaan kah? Kamu hendak percaya pada siapa?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk dan ketawa]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ayer Hitam bangun Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya? Tidak apa, sila Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan kenyataan yang begitu bersemangat dari Yang Berhormat Jerai mengenai PTPTN.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang PTPTN buat sekarang, pinjaman melalui KWSP itu cuma satu penyelesaian jangka pendek, sebab kita lihat PTPTN sejak 2002, tidak ada pun bantuan kerajaan. Dahulu setiap tahun 2 bilion, oleh sebab sudah tidak ada duit, maka pinjam dengan KWSP tetapi wang ini adalah wang pekerja. Jadi masalahnya kita duduk dalam keadaan yang serba salah, bagi KWSP itu bukan satu pelaburan, itu seolah-olah untuk membantu satu lagi agensi kerajaan yang boleh membantu pelajar lain untuk menyelesaikan masalah. Secara jangka panjangnya ia bukanlah satu penyelesaian dan bukanlah satu pelaburan bagi KWSP. Apa kata Yang Berhormat cara-cara KWSP melabur di luar negeri sebahagian daripada keuntungan itu bolehlah disalurkan kepada PTPTN sebagai bantuan atau geran secara

terus-menerus daripada meminjam macam itu bukan sebagai satu penyelesaian, minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju dua-dua, pinjam pun boleh dan geran pun boleh. Sebab apa saya berkata begitu? Sebenarnya begini, yang hendak pinjam ini ialah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. EPF ini pun ditubuhkan di dalam Dewan Rakyat ini juga oleh Kerajaan Malaysia. Jadi satu kumpulan pun kamu semua berkira macam mana? Yang hendak pergi meminjam duit ini pun mungkin anak-anak ahli KWSP juga. Jadi mereka hanya pergi balik pergi balik tentang itu sahaja, yang kelam-kabut mengapa? *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Kadang-kadang mungkin anak kerani jabatan mana dapat pergi universiti di Englandkah, di New Zealandkah, dalam negarakah, mereka melabur dalam EPF, bapanya kerja dan bayar EPF. Ini ada anaknya yang pergi ini, pakai duitnya pinjam sekejap pun tidak bolehkah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Datuk Kinabatangan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bung, berapa kali lagi Bung?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]* Yang Berhormat terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada KWSP saya berhasrat untuk meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan dan kalau boleh dikuatkuasakan iaitu dalam negara kita ini terdapat syarikat-syarikat yang melabur dalam industri pertanian, kelapa sawit dan sebab itu untuk mendapat berbilion-bilion tetapi impak untuk *social* obligasinya tidak ada. Termasuk memberi biasiswa dan sebagainya kepada pelajar-pelajar. Jadi contohnya di Kinabatangan terdapat 49 buah kilang. Kebanyakan pemilik-pemiliknya iaitu *listing company*.

Apakah Yang Berhormat bersetuju untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya mereka ini dikenakan di*compulsory* memberi 5% keuntungan mereka itu untuk tabung PTPTN, maka terjaminlah pelajar-pelajar kita pada masa akan datang, mereka juga tidak rugi sebab mereka mendapat keuntungan berbilion-bilion ringgit, minta pandangan Yang Berhormat .

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang Yang Berhormat Kinabatangan sudah berkali-kali saya berkata mana *social contribution, social contribution.* Memanglah begitu adat dunia yang kaya itu kadang-kadang terlupa bahawa ada juga yang miskin, jadi yang kaya itu mengingatkan; 'aku kaya, aku peduli apa ini duit aku, aku hendak beri kepada siapa, aku berilah, kalau aku tidak beri kamu semua hendak buat apa?'. Ini adalah manusia yang tidak bertanggungjawab, manusia yang mementingkan diri sendiri. Dia dapat nikmat dalam negara kita yang diluluskan oleh Dewan, tetapi kekayaan yang kita dapat ini bukan dia hendak menolong orang susah, dia act lagi. Dan kita kenal dan kita tahu sesiapa yang ada, sebab itu soalan saya tentang penswastaan dan tidak mendapat jawapan yang memuaskan.

Saya tanya kepada siapa yang kita bagi dan syarikat siapa yang kita bagi, saya hendak tahu nama-nama yang beri kemudian mereka bayar atau tidak bayar lagi.

Saya hendak tahu BERNAS sendiri bayar atau tidak bayar lagi kepada kerajaan. Mereka mengambil syarikat kerajaan, macam dahulu *MAS* ambil tidak membayar duit, susah jual balik kepada kerajaan, jual 8 ringgit yang hendak membayar siapa? Rakyat. Yang untungnya siapa? Dua, tiga orang. Ini adalah penyangak....*[Dewan menjadi riuh dengan tepuk dan sorak]*

Jadi sampai rakyat hendak diperbodohkan oleh segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab, rakus daripada pemikirannya. Kita tidak boleh terima benda ini Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak seronok kerana kita ini yang asyik tengok tiap-tiap hari orang tidak ada makan, baru carik, kasut tidak ada, hendak pergi sekolah tidak boleh. Yang puak ini 'gabus', dia tidak reti makan sedikit. 'Gabus' berjuta-juta, kenapa hendak makan sehari seribu ke, makan apa sehari seribu, tiga hari *collapse*, makanlah. Saya beri Tuan Yang di-Pertua seribu untuk makan, Tuan Yang di-Pertua hendak makan apa, sehari RM1,000?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya makan dua, tiga bulan pun tidak habis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, dua, tiga bulan. Di kampung kalau beri RM1000 tahan 6 bulan Tuan Yang di-Pertua, orang susah, 80 ringgit pun boleh hidup, terketar-ketar makan nasi, carilah pucuk itu, pucuk ini. Sebab

itu mereka kuat di kampung makan pucuk, yang kita makan yang layu sahaja mana hendak kuat? *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat .

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Gulung sudah? Okey, EPF hendak pergi, pergi, kita beri, 1.1 bilion tetapi ingat EPF, ini kami hendak berpesan iaitu wakil rakyat hendak berpesan.

Yang pertama jangan melabur di dalam kaunter-kaunter yang dikuasai oleh orang-orang Yahudi, ini kita tidak mahu.

Yang kedua, pastikan negara-negara yang kita laburkan politikalnya stabil, kita tidak mahu huru-hara nanti duit kita hendak golek tidak boleh. Macam Singapura, duit dia stabil tetapi tidak tentu, kalau kita tidak seronok dengan dia, mungkin dia kacau itu dan kacau ini. Kita pergi kalau boleh pergi ke negara-negara Islam, bantu mereka, macam Petronas dia pergi ke Sudan, ke sana lambang Petronas pergi ke negara-negara yang susah, negara Islam yang susah, bantu mereka, cari gali mereka, kongsi perniagaan dengan mereka, bukan ambil hak mereka begitu sahaja.

Petronas kalau hendak diharap dengan minyak gas dalam negara kita tidak boleh pergi ke mana, tetapi kebijaksanaan pengurusan Petronas mereka pergi ke luar negara itu, usaha sama dengan negara itu keuntungan, nah ambil kamu punya 60% dan 40% pada aku balik, itu yang dikatakan sebagai peniaga, bukan kita pergi samun hak mereka, ini caranya. Jadi EPF buat begitu, jangan pergi cari *fund manager, and in the end of the day people will say what is the hell of EPF, they make fun of EPF, Am I right, Puchong?*

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Ketawa]* Ya!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Yes, you are right, if I'm right, if you are right and definitely. You can give me anything and give me anything*…. *[Ketawa]* Ini yang saya harap EPF, memang duit ini adalah amanah ini, amanah cukup besar, tidak apalah saya pun faham, tetapi pertamanya kalau EPF kata dia tidak tahu hendak melabur dalam negara, kita kena cari CEO yang tahu melabur...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Fasal apa banyak lagi, tolonglah hak kerajaan yang tenat ini. Takkan kerajaan hendak beritahu tidak ada duit. Kerajaan hendak *balance*kan *budget*, bila *balance budget* duit tidak ada tetapi dalam ini pun ada duit banyak. Dalam negara kita EPF ada duit banyak sampai beratus bilion. *Use the fund to help the government*, bila *government* sudah senang pusingan dia macam berniagalah Tuan Yang di-Pertua … *[Bercakap dalam bahasa Cina]*…….

Meniaga kadang-kadang modal RM10, dia pusing jadi RM100, RM100 dia pusing jadi RM1000 tetapi pusingan itu kena berjalanlah. Jadi sekarang negeri ini kalau ada duit tolonglah, kalau negeri-negeri pinjam EPF bagilah, tengoklah macam mana. Takkan negeri itu dia hendak ambil duit, dia hendak labur benda yang tidak kena gaya. Kalaulah Menteri Besar atau Ketua Menteri pinjam duit EPF kemudian *fai*l, apa pilihan raya sekali lagi dia berani bertanding kah?. Yang Berhormat hendak minta penjelasan tidak*…..[ketawa]……*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi yang ini kita hendak, takpalah, *we give them the chance* EPF *to go overseas*. Pertamanya saya mintak melaburlah di negara-negara Islam, sambil melabur mencari keuntungan kita bukakan minda negara Islam yang miskin itu. Kalau kita pergi melabur negara yang kaya, penyangak cukup banyak, *chores* tu penyangak, tidak *chores* macam-macam yang ada penyangak. Mereka lebih cerdik daripada kita, pergi cari *business* yang selamat sambil kita menolong *brothers* Islam ini.

Saya berharap supaya PTPTN ini, KWSP tolonglah, menolong PTPTN menolong kerajaan, menolong kerajaan menolong rakyat, menolong rakyat menolong kita dan mungkin juga KWSP menolong anak pencarum itu sendiri untuk melanjutkan pelajaran.

Ini sekolah mana pula ini, ramai budak-budak sekolah sekarang ini *[mengalihkan pandangan ke arah kumpulan murid-murid]*. Inilah bagi ini, hadapan ini semua hendak pergi universiti ini*…..[Memandang ke arah galeri awam]…….*Kalau PTPTN tidak ada duit depa hendak pergi macam mana. Ini Shanmugam ada, Naina ada, Leong pun ada, Zainab pun ada, semua ada *[Ketawa]* rakyat Malaysia. KWSP jangan fikir banyak kerana pelaburan dalam pendidikan lebih berharga daripada pelaburan dalam segi-segi

lain. Kalau tidak mereka ini akan masuk pusat serenti, akan pergi disko-disko tetapi kalau bagi pelajar yang baik, insya-Allah mereka ini balik mereka akan menjadi pemimpin tetapi kalau jadi wakil rakyat, fikir habis-habis….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia undi Yang Berhormat itu nanti.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Assalamualaikum.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Waalaikumsalam, Arau pi mana…. *[ketawa]* …… kalau hendak jadi wakil rakyat Ahli Parlimen macam abang-abang ini fikir habis-habis.……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ……Fikir habis-habis teruk kami ini. Yang Berhormat saya menyokong dan saya berharap pihak kementerian ambil ingatanlah, saranan-saranan saya ini walaupun kadang-kadang dia ada bagi seronok-seronok sedikit tetapi fakta dia ada, kalau hendak *detail* secara terperinci boleh jumpa Pegawai di KWSP dan juga PTPTN. Saya hanya menyampai, fakta itu tidak ada pada saya lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian lepas itu kementerian menjawab.

**12.34 tgh.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirahmanirahim kerana mengizinkan saya untuk sama-sama membahaskan Pindaan Akta Pelaburan Kerajaan 1983. Tuan Yang di-Pertua pertama kali saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat meneliti secara terperinci tentang istilah-istilah dan terma-terma yang digunakan dalam akta ini kerana saya mendapati bahawa roh pindaan ialah untuk menjadikan akta ini memenuhi syarat atau memenuhi prinsip-prinsip syariah seperti mana yang disebut dengan jelas dalam akta ini.

Perkataan pelaburan ini membawa erti menanam modal ekuiti atau membeli saham ekuiti dalam sesuatu perniagaan di mana pelabur akan menanggung risiko dan keuntungan yang seimbang dengan pulangan atau disebut *return of investment*. Pelabur berhak untuk mendesak penyiasatan ke atas sebarang salah laku dalam bentuk pecah amanah atau kelakuan penerima pelaburan yang tidak bijaksana. Pelabur berhak untuk memanggil *emergency general meeting*, dengan izin, untuk menuntut tanggungjawab eksekutif yang melanggar peraturan dan meminta pihak yang berkenaan supaya dipecat ataupun diambil tindakan pentadbiran, itu setelah saya merujuk daripada beberapa kamus yang melibatkan perkataan pelaburan yang berkaitan dengan bidang ekonomi.

Manakala pendanaan ini, istilah ini lebih bertumpu kepada *funding* atau memberi wang kepada sesuatu entiti perniagaan untuk melakukan perniagaan dengan harapan mendapat dividen atau faedah wang bunga yang tetap atau disebut *interest*. *Funder* atau pihak yang menyiapkan pendanaan ini biasanya hanya bertumpu kepada pulangan tetap yang dijanjikan oleh pihak pengusaha. *Funder* tidak boleh meminta tunjuk sebab salah laku pengusaha dan tidak boleh campur tangan dalam usaha pelaburan yang tidak bijaksana, merugikan dan tidak boleh memaksa pihak berkenaan mengambil tanggungjawab risiko atas pelaburan yang tidak bijaksana atau pelaburan yang berisiko.

Saya meminta supaya adakah satu kajian ataupun pendekatan yang holistik ataupun merujuk pada pakar-pakar syariah sebelum akta ini dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini supaya ianya menepati prinsip syariah yang sebenarnya yang mana kita mahukan yang berlaku nanti adalah menepati hukum syarak sebagaimana yang dinyatakan dalam fasal-fasal yang akan dipinda dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua penggantian perkataan tersebut tidak sejajar dengan sistem pelaburan Islam yang lebih berfokus kepada sistem perkongsian bersama di mana pelabur bersama mengambil risiko pelaburan dan juga mengambil keuntungan bersama nisbah tertentu ataupun disebut dalam konsep Al-Mudharabah, sama-sama bangun, sama-sama rebah, sama-sama untung, sama-sama rugi.

Dalam erti kata yang lain pendanaan pelabur adalah penyedia dana untuk perniagaan dengan mengharapkan satu pulangan dividen atau faedah yang tertentu. Ia juga seiring kalau tidak cermat, kalau ianya tidak rujuk kepada pakar syariah saya

bimbang bahawa kita akan terjebak dalam sistem riba yang sudah tentu ini amat bertentang dengan ajaran Islam yang akan memberikan risiko yang akan mendatangkan suatu kesan yang amat mendalam di mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi bahawa masalah-masalah kehidupan dunia sampai akhirat. *[Membaca sepotong ayat suci al-Quran]*

Allah mengizinkan perniagaan jual beli tetapi dengan tegas mengharamkan amalan riba. Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh untuk saya beri rujukan sebelum akta ini diterima dan diambil suatu perhatian oleh pihak menteri adalah sebagai contoh Khazanah Nasional Berhad telah mendana di Country Height Holding Berhad sebagai contoh sebanyak RM125 juta dengan perjanjian dividen 6%.

Dalam konteks ini Khazanah Nasional telah melanggar dasar pelaburan yang perlu. Yang pertama strategi, kedua berteknologi tinggi dan yang ketiga berkepentingan nasional. Sebagai pendana Khazanah Nasional tidak dapat menyoal tentang program pelaburan *Country Heights Holding* sebagai contoh. Sebagai pendana dia tidak ada *prima facie* untuk menyoal *Country Heights Holding* dalam perniagaan perjudian loteri di London sebagai contoh. Ini yang melibatkan suatu risiko dan satu kesan terhadap pelabur-pelabur. Kalau ini berlaku sebagai contoh ini amat bertentangan dengan roh, sekali lagi saya menyebut roh pindaan iaitu yang menuju kepada menepati prinsip-prinsip syariah. Kalau sebagai pelabur bermakna Khazanah Nasional boleh menyoal dan mempertikaikan tentang sistem pelaburan *Country Heights Holding* dalam perniagaan yang tidak menyenangkan warga negara Muslim khususnya dalam negara kita.

Tadi Yang Berhormat bagi Jerai dan rakan-rakan yang lain telah pun banyak menyentuh tentang pelaburan KWSP. Di sini ingin saya menyatakan satu dua contoh bahawa kita mesti cermat. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kudat sebagai contoh. Kita ada pengalaman di mana kita melabur di Hong Kong yang akhirnya melahirkan skandal BMF sehingga terkorban saudara Abdul Jalil Ibrahim dengan kematian yang penuh misteri. Kita rugi RM10 bilion dalam *Forex* - perniagaan yang melibatkan Bank Negara pada waktu itu dan ini melibatkan sejumlah besar wang negara yang hari ini kita kehilangan dan sampai ke hari ini kita tidak dapat untuk mengambil balik segala kerugian ini.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pendanaan bon Istisna Malakof ini yang berlaku berkaitan dengan KWSP. Sebagai pendana, KWSP telah didapati ada unsur-unsur penyelewengan dalam pendanaan bon Istisna yang diterbitkan oleh Malakof pada tahun 2003 dan 2004. Dalam program ini KWSP hanya memandang kepada dividen atau unsur faedah dengan tanpa mengambil kira risiko yang bakal ditempa atau pun risiko yang akan dilibatkan. Dengan pendekatan pendanaan ini KWSP akan menanggung kerugian pendapatan RM1.176 bilion dalam jangka waktu tujuh tahun yang akan datang.

Ini di *quote* oleh the Edge, dengan izin saya membacakan*: "EPF had fight the prudent investment practices in scrap scribing the Islamic bond such as the Malakof RM5.6 billion Istisna bond. It is also very obvious of EPF misinformation about the over rating on Malakof Istisna bond by rating agency Malaysia. While the world renowned rating house standard and poor rate its power purchaser Tenaga National at BB2. At common sense Malakof Istisna bond has been overrated. EPF bond subtraction has to be at least 2.5% - 3% above the base leading rate of 5%. At the Tanjung Bin Power Plant Project for example alone Tan Sri Halim and his investment finalist has denied the EPF members about RM1.176 billion of rate full dividend in the next seven years".*

Ini sebagai contoh perkara-perkara yang saya rasa kita kena ambil perhatian yang serius bagaimana KWSP di samping pengumuman Kabinet semalam yang sekali lagi akan cuba untuk membawa sejumlah besar wang negara ini ke luar negara tetapi dalam hal-hal yang telah mereka membuat pelaburan ini kita harus melihat dengan teliti tentang risiko yang bakal dialami dan akan ditanggung oleh pelabur-pelabur yang terdiri daripada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah penting untuk kita mengekalkan, ini pada pandangan saya, kalau sekiranya istilah-istilah ini atau terma-terma ini tidak jelas dan tidak lagi mendapatkan rujukan kepada pakar-pakar syariah terutamanya maka adalah penting untuk kita mengekalkan perkataan pelaburan ini kerana implikasi istilah pendanaan ini akan membawa implikasi yang menghindari *check and balance* dan mendedahkan salah guna wang negara dalam program pelaburan negara. Dengan istilah pendanaan ini juga akan menggalakkan pulangan yang berdasarkan kepada pendapatan tetap yang majoritinya berunsur bunga faedah. Ini juga sering

membangkitkan isu pecah amanah dalam penelitian risiko pelaburan di mana eksekutif yang salah guna kuasa dan salah labur tidak boleh disoal oleh pendana. Tidak boleh disoal sebab dia pendana. Kalau dia pelabur atau kalau kita pelabur kita *have a right* untuk kita mempertikaikan mengadakan AGM dan seumpamanya tetapi kalau sebagai pendana bagaimana implikasinya dan bagaimana interpretasinya bagaimana kesannya dan bagaimana pendapat para-para ulama yang pakar dalam bidang syariah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendanaan, pelabur hanya mengharapkan pulangan dividen dan faedah dan tidak ada hak sebagai pemilik unit pelaburan. Sampai pada saat ini salah guna yang saya dedahkan tadi oleh KWSP pendanaan yang mempunyai konflik bertentangan dengan KWSP iaitu Malakof dan *Commercial Asset Holding Bhd* tidak pernah disiasat dan keraguan yang sangat besar dan tinggi risiko tinggi ini tidak pernah pun ditegur oleh pihak *Public Account Committee* Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat tentang perkara-perkara ini dan oleh kerana perkara ini melibatkan yang pertamanya ialah masalah halal haram, masalah sama ada ia bertepatan, dan ia selari dengan prinsip syariah dan adakah sebelum ini telah dirujuk kepada pakar-pakar yang ada berautoriti. Yang kedua ialah tentang risiko-risiko besar yang bakal dihadapi terutamanya oleh KWSP yang saya yakin semua Yang Berhormat yang berucap dalam Dewan yang mulia ini mahu supaya wang yang sebesar ini, wang yang menjadi satu aset agung dan terpenting dalam negara kita ini tidak akan mengalami nasib yang sama sebagai mana BMF - pelaburan Bank Negara dalam Forex dan seumpamanya dan petikan pepatah Melayu *"Janganlah pisang berbuah dua kali".* Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawapan daripada Kementerian Kewangan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 93. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, Bandar Kuching, Puchong, Jerai, Kubang Kerian dan ramai lagi yang telah mencelah untuk memberi sedikit sebanyak memberi pandangan. Saya dapati ramai juga yang telah bercakap

terkeluar sedikit daripada tajuk tetapi walau bagaimanapun saya akan cuba menjawab. Mana-mana maklumat yang tidak saya perolehi sekarang saya akan beri secara lisan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa walaupun nama akta ini adalah Akta Pelaburan Kerajaan dalam erti kata sebenarnya bukanlah untuk membenarkan kerajaan melabur tetapi adalah untuk membolehkan kerajaan menerbitkan sekuriti yang berlandaskan Islam seperti Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) atau dalam lain bahasa dengan izin disebut sebagai *Government Investment Issue.* Sama seperti mana kerajaan menerbitkan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang bersifat konvensional atau dalam lain bahasa dengan izin *Malaysian Government Securities* yang diterbitkan di bawah Ordinan Pinjaman Tempatan 1959.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan pindaan kepada Akta Pelaburan Kerajaan (APK) ini adalah supaya kerajaan dapat memperbanyakkan instrumen-instrumen berlandaskan prinsip syariah di pasaran tempatan bagi membolehkan institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam termasuk juga institusi-institusi kewangan konvensional melabur menurut konsep syariah.

Pindaan yang dicadangkan ini juga akan membolehkan rujukan khusus dibuat kepada satu Majlis Fatwa dan juga mengembangkan lagi transaksi secara elektronik melalui pelaksanaan *fully automated system for tendering* ataupun (FAST), *Real time electronic transfer of Funds* ataupun RENTAS. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk cuba menjawab beberapa soalan yang besar yang telah dikaitkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Tumpat mencadangkan agar cadangan penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang merupakan badan tunggal rujukan prinsip-prinsip operasi Perbankan Islam dan Takaful diperluaskan ke luar negara seperti ke Timur Tengah. Majlis sebegini bukan sahaja boleh merujuk kepada keseragaman di Malaysia malah boleh diterima pakai di seluruh dunia, terutamanya di Timur Tengah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu yang dibangkitkan adalah antara isu yang ingin diatasi melalui pindaan yang dicadangkan ini, dengan membolehkan *instrument* pelaburan dikeluarkan menurut pelbagai prinsip syariah yang ada dan boleh diterima pakai oleh pelabur-pelabur luar negara yang ingin melabur di Malaysia.

Sebenarnya, perbezaan pendapat antar negara Arab dan Malaysia atau negara-negara Islam tidak dapat dielakkan dan merupakan satu rahmat kerana ia memberi pilihan kepada umat. Namun begitu, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah bagi menyelaraskan prinsip syariah dalam kewangan Islam. Antaranya adalah:

(i) melalui penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ataupun *Islamic Finances Services Board* (IFSB), yang dianggotai oleh bank-bank pusat atau pengusaha kewangan pelbagai negara Islam termasuk negara-negara Arab. IFSB akan mengeluarkan piawaian-piawaian yang perlu diikuti oleh bank-bank Islam seluruh dunia.

(ii) Malaysia juga adalah negara pertama di dunia mempelopori penerbitan Bond Berdaulat ataupun Global Sukuk Ijarah yang telah diterbitkan pada tahun 2002 berjumlah USD600 juta dengan 51% daripada terbitan tersebut dilanggani oleh pelabur-pelabur dari Timur Tengah, manakala 19% oleh pelabur-pelabur Eropah dan Amerika dan selebihnya oleh pelabur Asia. Kejayaan penerbitan ini telah diikuti oleh penerbitan bond-bond berdaulat, oleh negara dan organisasi Islam yang lain seperti Qatar, Bank Pembangunan Islam (IDB), Emirat Arab Bersatu dan Bahrain.

Semalam, Bank Dunia telah mengikuti langkah kerajaan dengan menerbitkan Bond Islam Antarabangsa di Malaysia berjumlah RM760 juta. Kerajaan Malaysia, dalam sistem kewangan Islam di peringkat antarabangsa telah menjadikan Malaysia sebagai model perbankan dan kewangan Islam yang berjaya. Kejayaan tersebut telah mendorong Bank Pembangunan Islam (IDB) menggalakkan bank-bank pusat negara-negara Islam lain yang berhasrat untuk memulakan perbankan Islam mengkaji model perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. *Dow Jones* Islam *Market* (DJIM) baru-baru ini telah menyatakan hasrat untuk mencari rakan kongsi di Malaysia bagi menubuhkan *index counter* secara Islam yang menepati kriteria-kriterianya. Ini bertujuan untuk menarik pelaburan dari Timur Tengah untuk membeli saham-saham syarikat Malaysia.

Ahli-ahli Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti juga mempunyai reputasi yang baik dalam bidang kewangan Islam di kalangan negara-negara Arab. Mereka juga sentiasa terlibat dalam pelbagai forum dan mesyuarat antarabangsa seperti *Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) *Academy Fiqh* OIC dan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM). Kesimpulannya, hasil usaha Malaysia telah menyebabkan perspektif pelabur-pelabur Arab tentang sistem kewangan Islam dia Malaysia, kini amatlah memberangsangkan. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak ada halangan sekiranya institusi-institusi kewangan Malaysia turut membawa bersama mereka penasihat-penasihat syariah dalam rombongan perdagangan mereka ke negara-negara Arab, sekiranya ia boleh membantu mereka memberikan gambaran yang lebih baik mengenai iklim pelaburan di Malaysia.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga ada membangkitkan tentang Dasar Konsolidasi bank-bank di Malaysia etapi telah meluluskan lesen-lesen bank Islam baru dan adakah dari segi implementasinya ia merupakan bank langkah-langkah yang dapat dilaksanakan dengan baik dan menyeluruh di Malaysia. Untuk makluman, kerajaan telah pun melaksanakan Dasar Konsolidasi bagi mewujudkan kumpulan-kumpulan perbankan domestik pertama. Dalam konteks ini , lesen-lesen bank Islam yang telah dikeluarkan kepada kumpulan perbankan sedia ada tanpa wujudnya bank-bank Islam baru. Lesen-lesen Bank Islam setakat ini telah dikeluarkan kepada dua bank konvensional iaitu RHB, *Islamic* Bank dan *Commerce* Jejari Bank Berhad. Lesen-lesen baru yang dikeluarkan kepada bank-bank konvensional ini adalah bagi membolehkan bank-bank tersebut menjalankan perniagaan perbankan Islam melalui penubuhan *subsidiary* sendiri Islam di dalam kumpulan perbankan domestik utama tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini, walaupun sebahagian besar institusi-institusi kewangan konvensional masih belum diberikan lesen bank Islam, mereka telah pun dibenarkan untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam melalui struktur jendela. Walau bagaimanapun, dengan penubuhan *subsidiary* perbankan Islam, ia akan mewujudkan struktur keinstitusian yang lebih *responsive* kepada perkembangan infrastruktur pengawalseliaan kewangan Islam pada masa hadapan dan seterusnya memperkukuhkan *prudential rejim* dan penyeliaan sistem perbankan Islam. Struktur

baru ini berkemampuan untuk memelihara integrasi sistem dan operasi perbankan Islam selaras dengan kehendak syariah malah mampu memperkukuhkan struktur keinstitusian perniagaan perbankan Islam di samping mengekalkan *synergy* dalam kumpulan perbankan sedia ada.

Tuan Yang di-pertua, Yang Berhormat bagi Kuching telah membangkitkan tentang membangkitkan tujuan perolehan dana di bawah akta ini dan bagaimanakah ianya akan digunakan termasuk untuk projek apa. Seperti yang telah saya perjelaskan tujuan pindaan akta ini hanyalah untuk menyelaraskan aspek-aspek undangan supaya ia seragam dan boleh membenarkan struktur-struktur baru *instrument* Islam termasuk terbitan sekuriti kerajaan berjangka pendek dikenakan di pasaran. Jangka pendek bermaksud satu tahun atau kurang. Kerajaan sebenarnya tidak memerlukan pinjaman berjangka pendek kerana semua projek-projek kerajaan adalah berjangka panjang. Jadi, pindaan ini hanyalah bertujuan membantu pelabur-pelabur seperti institusi kewangan dan syarikat-syarikat kewangan Islam di dalam menentukan tanda aras ataupun *bench marking* bagi pinjaman-pinjaman mereka di masa hadapan. Walau bagaimanapun, bagi pinjaman-pinjaman berjangka panjang semua perolehan kerajaan akan dimasukkan ke dalam akaun wang yang disatukan dan akan hanya digunakan bagi perkara-perkara yang tidak melanggari syarat.

Tuan Yang di-pertua, masih banyak lagi jawapan yang saya akan jelaskan tetapi tidak mengikuti susunan kerana jawapan datang berperingkat-peringkat. Saya akan sebut ikut yang mana sampai dululah kepada saya. Tuan Yang di-pertua, Yang Berhormat bagi Puchong, apakah tindakan kerajaan dalam....

**Tuan Chong Chieng Jen:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat berkata bahawa rang undang-undang ini hanya untuk menjelaskan pengurusan kewangan kerajaan tetapi di sini *clause 6 here explanatory note,*

*Clause 6*

*"seeks to emend section 3 to enable to Minister on behalf of the government to receive investments in Malaysia and to create an issue instruments evidencing*

*such investments by any arrangement and by entering into any transaction with any person as the Minister deems fit."* Dan

*Clause 7*

*"seeks to amend section 5 to enable the issuances of short, medium or long term instruments under proposed Act"*

Oleh itu, apa yang ditujukan oleh rang undang-undang ini adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mendapatkan dana berlandaskan prinsip syariah dan itulah yang kita mesti teliti. Satu *fund,* tadi yang saya telah sebut dalam ucapan saya adalah Sukuk Fund. Sukuk Fund di *certificate* amanah yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri adalah pinjaman berlandasan prinsip syariah. Sekarang, Menteri datang sini untuk meminta Parlimen memberi kuasa kepada Menteri untuk meminjam. Bukankah wajar kita mempunyai satu hak untuk tahu apa dana yang dikutip itu akan dilaburkan dan apakah sistem kawalan yang harus dilaksanakan supaya dana-dana yang diambil itu digunakan.

Janganlah datang sini sahaja panggil Parlimen minta Parlimen beri kuasa supaya Menteri boleh pinjam duit tetapi kita tidak ada hak untuk mengawal duit yang akan dikutip itu akan digunakan. Oleh itu, saya berpendapat bahawa ramai Ahli Parlimen di sini, mereka berucap tentang pelaburan, *how to control your - The manner of investmen* sama ada ia akan memulangkan dividen yang besar. Itu semua tidak terkeluar. Ini adalah berkaitan kerana *you are asking us to give you the power to get money, to borrow money,* dengan izin.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Kalau duit pelaburan itu rugi, siapa yang akan bayar? Lain kali datang ke sini panggil kita beri lagi duit.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih.......

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, boleh sambung jawapan sebelah petang. Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat disambung semula. Dijemput Yang Berhormat dari Kementerian Kewangan sila jawab.

**2.30 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan saya hendak menyambung semula gulung tadi hendak sambung tentang Bandar Kuching yang telah membangkitkan tentang kuasa Menteri Kewangan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua Menteri Kewangan memang sudah ada kuasa untuk menerima pelaburan menurut seksyen 3 atas akta yang sebelum dipinda pun sudah ada kuasa itu. Sekarang ini Fasal 6 sekadar mencadangkan pindaan bagi membolehkan menteri membuat dan menerbitkan instrumen menurut syariah dengan memberi kuasa kepada menteri untuk memasuki transaksi seperti jual beli, sewaan atau sebagainya.

Ini sudah memang membolehkan menteri memberi fleksibiliti kepada penerbitan instrumen menurut syariah yang berdasarkan pelbagai prinsip. Sebenarnya sebagai amalan biasa Tuan Yang di-Pertua, menteri tidak boleh membuat tindakan sewenang-wenangnya. Menteri buat tindakan di atas arahan daripada Parlimen. Contohnya saya bagi di sini, katakan *income* pendapatan kerajaan katakan RM100 bilion setahun.

Belanja mengurus katakan RM80 billion, belanja pembangunan katakan RM30 billion makna jumlahnya RM110 bilion. Jadi *shortfall,* dengan izin adalah RM10 bilion. Menteri Kewangan sekarang ini beliau boleh pergi isu *bond*, sekarang ini boleh isu *Islamic bond* dan mendapatkan dana itu supaya yang kurang itu dapat dipenuhi. Jadi sekurang-kurang ini adalah untuk pembangunan dan untuk belanja kerajaan untuk pembangunan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Puchong bertanyakan peranan Majlis Penasihat Syariah, MPS sebagai penimbang tara dan sumber rujukan syariah adakah wujud konflik. Tuan Yang di-Pertua pihak mahkamah dan Penimbang Tara Kuala Lumpur bersetuju menggunakan MPS sebagai sumber rujukan dalam kes-kes yang melibatkan syariah dalam urus niaga perbankan dan kewangan Islam. MPS diberi *authority* tertinggi di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958 sebagai penasihat syariah utama, manakala pihak mahkamah

dan Penimbang Tara Kuala Lumpur masih adalah pengadil dalam perbicaraan kes-kes tersebut. Oleh itu tidak timbul konflik dalam peranan MPS yang hanya merupakan sumber rujukan dan penasihat syariah.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Puchong juga membangkitkan tentang apakah tindakan kerajaan dalam mempengerusi perbankan Islam kepada bank *conventional*. Kerajaan telah pun menggalakkan bank *conventional* untuk menjalankan perbankan Islam secara jendela sejak tahun 1983. Kini terdapat 12 Bank Perdagangan, 3 syarikat kewangan, 4 Bank Saudagar *(Merchant Bank),* dan 7 syarikat diskaun yang terlibat dalam perbankan Islam. Malah bank *conventional* ini kini menguasai 70 peratus daripada aset perbankan Islam.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Sekarang ini Bank Negara Malaysia menggalakkan jendela ini dipindahkan kepada *subsidiary-subsidiary* bank. Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Penjelasan.

**Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak tahu juga mengenai kalau sesuatu pertikaian melibatkan parti-parti luar negara, sebagai contoh kalau Kerajaan Malaysian mahu isu satu *bond* dan menerima ataupun pemberi dia adalah daripada syarikat ataupun dana-dana daripada sebagai contoh di Timur Tengah, kalau sesuatu pertikaian berlaku, *platform* mana atau forum mana yang boleh memberikan satu keadilan kepada kedua pihak yang terlibat ini dalam pertikaian adakah MPS ini?. Apa peranan MPS itu?.

Adakah mahkamah *conventional* yang akan menentukan keputusan pertikaian itu ataupun atas nasihat daripada MPS dan juga adakah mereka ini kalau tidak mengisyitihar atau pun *recognize* dengan izin, apakah nasihat dan juga pandangan daripada MPS. Apakah cara dan juga kerajaan akan menyelesaikan pertikaian jenis ini?. Boleh saya dapatkan sedikit penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua memang di MPS adalah satu badan di Malaysia, tetapi pihak Kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk bergabung untuk bekerjasama dengan pihak-pihak yang di luar melalui penubuhan

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Malaysia yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua untuk mengadakan piawaian yang boleh diterima oleh semua pihak di seluruh dunia. Setakat ini bila sudah diterima sekarang segala piawaian yang untuk bon Islam ini maka saya yakin sudah tidak timbul lagi masalah pertikaian kemudian. Tetapi walau bagaimanapun, kalau masih lagi pertikaian berlaku maka keputusannya adalah di pihak mahkamah, bukan di pihak badan seperti ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puchong juga membangkitkan tentang adakah isu bank birokrasi timbul apabila akta memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menentukan terma dan syarat-syarat terbitan dalam seksyen 3, dan pada masa yang sama kuasa pada Majlis Penasihat Syariah untuk isu syariah.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa Bank Negara Malaysia untuk meletakkan syarat-syarat dan terma-terma terbitan adalah tertakluk pada seksyen 5(a) yang dicadangkan dalam Fasal 8 iaitu amaun, tarikh, terbitan, tarikh matang, jumlah pulangan dan pembayaran balik pelaburan, sedangkan kuasa Majlis Penasihat Syariah adalah sebagai sumber rujukan isu syariah untuk satu-satu terbitan yang dibuat di bawah akta, tidak timbul isu karenah birokrasi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Jerai telah bertanya sama ada bon yang diterbitkan oleh Bank Dunia boleh dipertikaikan kesahihannya dari segi mengikut konsep syariah. Seperti yang saya telah jelaskan Tuan Yang di-Pertua, Bank Dunia juga telah menerbitkan bon Islam di Malaysia berjumlah RM360 juta dan melalui prinsip Al-Bai' Bithamin Ajil iaitu jual dan beli semula.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kita ini telah mendapat kelulusan Majlis Syariah Malaysia dan dijual kepada pelabur-pelabur yang berminat termasuk pelabur *conventional.* Dengan itu………..

**Yang di-Pertua:** Yang Berhormat

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** ..... isu kesangsian tidak timbul mengenai pematuhan terhadap konsep syariah. Tujuan…….

**Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Penjelasan sedikit, penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi saya ada bangkit satu isu persoalan mengenai pindaan Fasal 9(13), (14), (18) dan (19) yang bertujuan untuk meminda akta ini mencerminkan amalan semasa perdagangan dan pemindahan surat cara ataupun instrumen Islam yang diterbitkan oleh kerajaan di bawah sistem tanpa skrip, *script less trading system*.

Saya hendak tanya apakah infrastruktur atau bagaimanakah dia berkaitan dengan konvensional. Saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen belum menjawab untuk saya ini. Boleh saya dapatkan jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya urus niaga dengan *script less* ini telah sudah berjalan lama, Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1983 lagi tetapi masa itu ia memakan masa dua hari untuk berurus niaga *script less* ini. Tetapi sekarang *real time, on time. That means* memang sudah sedia ada infrastruktur untuk *script less bond* ini, sudah ada. Jadi tidak timbul masalah hendak mewujudkan infrastruktur baru untuk perniagaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai juga bertanya mengenai dengan pelaburan KWSP di luar negara mengenai panel pelaburan KWSP yang harus profesional dan tahu mengenai pelaburan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan di dalam negeri oleh agensi seperti KWSP sangat penting kerana ia juga bertujuan untuk memastikan sistem kewangan pasaran modal, pasaran saham dan prasarana negara lebih kukuh dan efisien. Oleh itu adalah penting bagi KWSP yang mempunyai banyak dana mencari kaedah terbaru untuk menambah pelaburan mereka di dalam negeri daripada melabur di luar negara. Ini tidak bermakna KWSP tidak boleh melabur, sebaliknya Kementerian Kewangan tetap bersedia untuk menimbangkan cadangan KWSP sekiranya permohonan diterima. Keutamaan diberikan kepada penanaman modal dalam negara kerana ia sangat penting kepada negara pada peringkat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Kalabakan merujuk kepada isu pinjaman-pinjaman oleh 1st Silicon dan laporan yang menunjukkan 1st Silicon mengalami kerugian yang besar dan Bank Negara Malaysia perlu campur tangan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan-laporan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sebahagian besar pinjaman adalah melalui terbitan bon dan pinjaman antara syarikat dalam kumpulan 1st Silicon sendiri. Bank Negara Malaysia adalah badan yang mengawal selia bank-bank dan syarikat kewangan yang dilesenkan dan mengenakan beberapa syarat khusus kepada bank dalam aktiviti-aktiviti pinjaman mereka. Bank Negara Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam aktiviti-aktiviti perniagaan oleh syarikat-syarikat perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bertanya berkaitan kecenderungan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk meminjam daripada KWSP. Sehingga setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan supaya kerajaan negeri meminjam daripada KWSP kerana setakat ini kerajaan negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek terutamanya projek-projek sosial, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan mengenai definisi perkataan "pelaburan dan pendanaan" dalam akta mestilah dirujuk kepada MPS.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini yang menukarkan perkataan "pelaburan" kepada "pendanaan" adalah bagi memperbetulkan istilah, di mana di bawah akta ini kerajaan boleh mengeluarkan instrumen-instrumen menurut syariah bagi membolehkan institusi-institusi Islam melaburkan dalam instrumen-instrumen ini di samping membolehkan kerajaan membiayai defisit dalam akaun kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

***Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Fasal-fasal 1 hingga 20** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2005**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.48 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Akta Eksais (Pindaan) 2005 untuk meminda Akta Eksais 1976.

Rang undang-undang ini adalah bagi tujuan mengubah definisi nilai berhubung dengan barangan yang diimport. Definisi nilai semasa hanya mengambil kira nilai barangan sahaja, manakala definisi yang dicadangkan akan mengambil kira juga amaun duti import kastam jika ada yang kena dibayar atas barangan import. Definisi nilai ini adalah selaras dengan amalan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menghuraikan Fasal 1 dan 2 dalam rang undang-undang ini seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda perenggan 2(1)(b) Akta 176 berhubung definisi nilai bagi pengiraan duti eksais ke atas barangan yang diimport atau nilai barangan dan juga amaun duti import yang kena dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Jasin.

**2.49 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong untuk meminda Akta Eksais 1976 kerana didapati pada akhir-akhir ini kita lihat bahawa barang yang diimport hanya cukai eksais dikira berasaskan barang itu sahaja, tidak dikira duti dan saya kira sampailah masa dia untuk kita mengambil kira tentang pindaan ini kerana ini adalah amalan dunia.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada hari ini Jabatan Kastam kurang mengikut manual Kastam, itulah sebab dalam minggu sudah saya telah membangkitkan soal bagaimana barangan kastam ataupun barangan yang diimport daripada luar negara lebih-lebih lagi daging khinzir yang ada cap halal di tinnya. Kalau pegawai-pegawai kastam ini mengikutkan manual sebenar kastam yang mana dikehendaki bahawa para pengimport menunjukkan sampel barangan itu kepada pegawai yang bertugas ketika itu, saya penuh yakin dan percaya masalah ini tidak akan timbul.

Tetapi oleh sebab ramai di antara yang praktik pada hari ini, kita dapati bahawa hanya mereka melihat kepada ikrar borang itu saja tanpa melihat barangan. Oleh sebab itu, nilai sebenar barangan ataupun barangan yang diimport itu tidak dilihat, hanya lihat pada kertas yang diikrarkan dan penuh yakin kepada mereka yang mengikrarkan pada barang itu saja, itu yang pertama.

Yang kedua, akhir-akhir ini kita lihat Jabatan Kastam telah berubah sedikit dalam segi kerja-kerja pencegahan dan itu sebab akhir-akhir ini kita lihat di dalam akhbar kurang berita berkenaan dengan penyeludupan-penyeludupan rokok ataupun kretek. Yang sebenarnya, dulu Kastam memberi *reward*, imbuhan kepada kakitangan-kakitangannya ataupun *informer-informer* yang memberi maklumat tentang adanya penyeludupan tapi akhir-akhir ini *informer* sahaja yang dapat dan kakitangan pencegah ini tidak dapat. Membuatkan bahawa moral kakitangan pencegah itu kurang dan akhir-akhir ini kita lihat bahawa tidak ada kejayaan dari pihak Kastam (Pencegah) untuk

mencari ataupun untuk menyekat barang-barang yang di seludup dan tidak ada tangkapan dibuat.

**Dato Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Kalau kita lihat tahun sudah, di media massa, elektronik dan juga surat khabar, kita dapati bahawa kejayaan pihak-pihak kastam mencegah penyeludupan dengan tertangkapnya barangan kretek, rokok yang bernilai jutaan ringgit. Tetapi akhir-akhir ini tahun 2005, daripada Januari sehingga bulan Februari pada hari ini, kita kurang dipaparkan berita-berita tangkapan barang-barang seludupan ini kerana kurang inisiatif diberi kepada pegawai-pegawai. Ya, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Saya nak tanya setuju atau tidak, manusia ni kalau dia nak melaksanakan kerja dengan baik, dia ada dua unsur. Satu kena ada dua unsur ganjaran dan satu lagi kena ada unsur dendaan. Ini harus dinampakkan dalam konteks ini setuju atau tidak supaya mereka yang didapati bersalah itu dibawa ke depan dan maknanya diperlihatkan dendaan itu kepada mereka yang bersalah begitu juga dengan ganjaran. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih, saya sungguh setuju dan amat setuju. Kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, apabila ada ganjaran ini, pegawai-pegawai kastam bahagian pencegah ini sehinggakan mereka sanggup membeli kenderaan dan juga bot yang mereka punyai sendiri. Kerana mereka yakin dan percaya sekiranya ia dapat menangkap barang-barang penyeludupan ini, dia akan dapat *reward.* Kalau dia hendak mengharapkan kenderaan ataupun perkhidmatan yang disiapkan oleh jabatan, kita lihat banyak di antara jabatan-jabatan punya bot ada yang sebelum merdeka punya bot.

Bagaimana nak mengejar penyeludup-penyeludup di tengah lautan walhal penyeludup-penyeludup rokok kretek ini kadang-kadang dia menggunakan enjin-enjin yang *horse power* yang begitu tinggi sehingga 4 enjin disediakan. Kalau nak mengharapkan bot kastam yang menggunakan bot biasa ini memang tak boleh kejar. Oleh sebab ada ganjaran dulu, maka pegawai-pegawai pencegah sanggup membeli motobot sendiri dan mereka rajin pergi kejar penyeludup-penyeludup dengan penuh

yakin dan percaya, kalau barang yang di seludup tu bernilai RM1 juta, mereka tahu mereka akan mendapat kira-kira RM50 ribu, RM60 ribu *reward.* Tetapi akhir-akhir ini *reward* ini telah ditarik balik kerana dengan alasan pegawai-pegawai pencegah ini sudah ada elaun pencegahan yang lebih kurang RM350 atau RM500 sebulan maka mereka tidak layak untuk mendapat *reward.*

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada hari ini, kalau dulu sering Kastam menangkap keluar dalam TV, keluar dalam akhbar, walaupun dia dapat tangkap barang, orang tak pernah dapat. Kita pernah mempertikaikan, mengapa tidak pernah dapat tangkap orang tetapi dapat tangkap barang. Tapi sekurang-kurangnya ia dapat membendung penyeludupan yang berlaku dalam negara kita.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *sales tax,* kita lihat pada bajet yang sudah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa pihak Kastam harus mengutip *sales tax* daripada hotel, restoran dan daripada perkhidmatan-perkhidmatan lain yang boleh diwujudkan *sales tax.* Tetapi akhir-akhir ini kita lihat bukan semua yang dikutip dan ada satu berita dalam surat khabar telah mengatakan melalui restoran sahaja, kerajaan rugi RM72 juta nilai *sales tax* yang tidak dikutip daripada restoran-restoran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Jasin. Kata orang. ..... ini kata orang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya nak tanya Jasin fasal Jasin ini ada kepakaran tentang kastam, tentang pelabuhan, hal-hal lautlah, dia orang Melaka Tuan Yang di-Pertua, anak cucu Hang Tuahlah agaknya dia ini Laksamana Hang Tuah.

Soal yang Yang Berhormat Jasin bangkitkan tadi, barang dapat tangkap, orang tiada. Kata yang empunya cerita ini, saya tidak tahu itu semua. Saya hendak bertanya, memanglah 10, 15, 20 penyeludupan, sekali kena tangkap tapi barang bukan orang.

Untuk tutup matalah, wallahualam. 10, 15, 20 dah lepas dah ni, *pap [tepuk meja]* satu dia tangkap. RM200,000 Kastam telah merampas dalam anggaran cukainya begitu. Tapi 10, 20 trip sudah lepas kerana orang tidak dapat, tiba-tiba barang saja. Aha, barang sahaja. Aha.....Tauke tidak adalah, barang saja.

Macam mana Jasin cerita ini, apakah cerita ini 1001 malam, riwayat saja, cerita yang tidak ada asasnya atau macam mana sebenarnya. Saya cuma bertanya sajalah, terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih sahabat saya Sri Gading. Kadang-kadang kita pun pelik, mengapa barang dapat tangkap, orang tak dapat tangkap? Dan kadang-kadang oleh sebab orang tidak dapat ditangkap ini, dia akan berulang-ulang kali menjalankan kerja-kerja penyeludupan ini tetapi kalau kita lihat kadang kala ada juga tangkap orang tapi banyak yang tak dapat tangkap orang dan kalau kita dapat tangkap orang pula, pihak Kastam kita pun kasihan Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau barang itu menjadi barang kes sudah tentu bot atau rokok kretek misalannya, satu bot kadang-kadang setengah lori.

Bila bicara di mahkamah setengah lori punya barang kena angkut pergi dalam mahkamah dan kalau penyeludup-penyeludup ini menggunakan *lawyer* yang bijak-bijak macam Sri Gading ini, kadang kala dia memainkan peranan *lawyer, lawyer* sekarang ni pun dia ambil *sick certificate.* Pergi ke mahkamah sakit apa semua, tangguh lagi, barang diangkut balik ke dalam stor, lepas itu naik balik. Tuan Yang di-Pertua pun *lawyer* kan? Ha, naik turun, naik turun, naik turun, kadang-kadang dia gunakan satu *lawyer* yang bijak pandai, cari silap saja sikit, orang penyeludup terlepas, barang kita pun dah terlepas balik.

Jadi kadang-kadang memenatkan pihak Kastam. Walaupun tidak dapat tertangkap, tetapi paling tidaknya barang-barang yang hendak diseludupkan itu, telah dapat kita sita dan kerajaan boleh dapat duit dengan melelong balik barang-barang ini. Kalau kita tangkap orang, kemungkinan apabila dihadapkan ke mahkamah dengan menggunakan *lawyer* yang bijaksana macam Yang Berhormat bagi Sri Gading ini, kemungkinan dia boleh terlepas Tuan Yang di-Pertua. Kemungkinan dia terlepas.

Satu lagi Datuk, berkenaan dengan *sales tax* tadi, saya pun kadang-kadang tengok Kastam tidak cukup hendak *enforce*kan tentang *sales tax*. Saya ambil contoh di

kawasan saya itu, di Umbai dan Pernu. Deretan ikan bakar - Jasin terkenal dengan tempat ikan bakar ini, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ada kedai kena *sales tax,* ada kedai dia tidak kutip *sales tax*.

Jadi, bila yang kena kutip *sales tax* itu, sudah mestinya harganya akan lebih daripada kedai sebelah. Oleh kerana kedai yang pertama ini kena *sales tax,* kedai kedua tidak kena, kedai ketiga tidak kena, yang keempat pula kena pula *sales tax*. Jadi, orang akan tengok, membandingkan harga kedai yang nombor satu ini lebih mahal daripada harga kedai nombor dua kerana yang nombor satu ini bayar *sales tax*, yang nombor dua ini lari *sales tax*. Ini pun kita kena lihat pihak Kastam, perlu berhati-hati. Kalau hendak kenakan *sales tax*, semua sekali kenakan *sales tax* supaya mereka ini bersaing antara mereka dengan membayar *sales tax* ini. Saya penuh yakin dan percaya, kalau ini dikuatkuasakan dengan cara lebih teratur, saya kira tong kerajaan, peti kerajaan akan bertambah lebih banyak pada masa akan datang.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin. Soal *sales tax* sungguh menariklah. Yang pengusaha itu Tuan Yang di-Pertua, dia *enforce* dengan pembeli. Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Jasin kalau *sales tax* ini dibayar oleh pengusaha itu dan bukan kepada pembeli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Yang sebenarnya oleh kerana kita hendak menarik penjual itu supaya membayar *sales tax*, maka kerajaan bagi kelonggaran bahawa bukan penjual yang kena *sales tax*, tetapi orang yang terima perkhidmatan itu. Kalau dia pergi restoran, dia dapat makan, dia terpaksa bayar *sales tax*. Kalau semua dibebankan kepada pengusaha, saya penuh yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, orang berniaga ini kita pun sama-sama berniaga, mesti mencari jalan bagaimana hendak kata, kalau untung pun, kita tidak akan mengaku kata diri kita untung. Jadi,

pada hari ini oleh kerana kerajaan menetapkan orang yang dapat perkhidmatan itu membayar *sales tax*, tidak membebankan kepada peniaga dan kita berharap supaya peniaga-peniaga dapat bekerjasama dengan kerajaan untuk mengutip *sales tax- sales tax* yang mana tidak beban kepada dia.

Yang menjadi masalah kepada kita pada hari ini, dia sudah kutip *sales tax* tetapi dia tidak pergi menyerahkannya kepada pejabat Kastam. Ini yang banyak timbul masalah, serupa macam orang EPFlah Yang Berhormat. Daripada kakitangan, dia potong EPF tetapi tidak serah kepada EPF. Ini yang banyak berlaku. Begitu juga dengan *sales tax*. Hanya yang kita minta supaya yang mana yang telah diluluskan oleh kerajaan melalui bajet yang sudah, kita minta supaya pihak Kastam untuk menguatkuasakan tadi, *sales tax* ini supaya kerajaan dapat lebih banyak lagi kewangannya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ya, Petra Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Sekarang ini, ada juga amalan, kalau kita nampak, amalan setengah kalangan yang mempunyai lesen untuk memungut *sales tax* tadi, mereka membuat apa yang dikatakan *net sales, net price*. Kebanyakan hotel-hotel sekarang ini dia akan *charge net*. Jadi, supaya pihak kerajaan tidak akan mengetahui berapa sebenarnya harga jualan dan mereka akan dapat mengisytiharkan harga-harga jualan *sales tax* itu pada budi bicara mereka. Bagaimana kita hendak menangani isu ini pada pandangan Yang Berhormat bagi Jasin? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ini masalah memang benar. Banyak di antara hotel-hotel dan juga perusahaan-perusahaan, dia akan buat cara harga *net*. Kalau mengikutkan daripada apa yang telah kita luluskan dalam bajet yang sudah, walaupun dia hendak kira ataupun *net* itu dia beri sebagai diskaun kepada pelanggan dia, tetapi *sales tax* mesti dibayar. Ini mesti. Hanya cara teknik dia. Biasa juga kedai makan. Kalau misalan kata *sales tax* ini, baru 5% Yang Berhormat. Kalau dia makan lebih kurang RM100, *sales tax* dia baru RM5. Kadang-kadang, bila dia hendak taruk pada bil itu RM105, serah kepada pelanggan, dia pun akan bagi diskaun. “Argh, bayar

RM100 sudahlah". Tetapi, masalah yang saya hendak timbulkan pada hari ini, kebanyakan pada hari ini, Kastam dia terpulangkan kepada mereka yang dilesenkan untuk kutip *sales tax* ini.

Jarang-jarang sekali dia datang audit kepada pengusaha-pengusaha ini. Jadi, terpulanglah kepada pengusaha ini. Kadang-kadang, itulah sebabnya kalau kita lihat, ada yang pengusaha-pengusaha membuat resit sampai *double receipt* nombor siri dia. Macam-macam dia buat dalam *list* ini, Tuan Yang di-Pertua. Hanya kita minta melalui Parlimen pada hari ini, kita minta Kastam. Kalau misalan kata dia hendakkan perniagaan itu untuk memberi ataupun membayar *sales tax*, kita minta tidak ada sesiapa yang tertinggal, semua sekali. Kita tidak hendakkan yang orang ini kena *sales tax,* orang ini kena *sales tax*, orang ini tidak kena. Ini, yang kita tidak hendak, kerana akhirnya *competition* di antara peniaga-peniaga itu akan kurang enak.

Satu lagi Datuk, benda yang paling besar tentang Kastam, kita lihat Jabatan Kastam pada kebiasaan daripada dulu, daripada merdeka sehinggakan baru-baru ini, Kastam ini ialah satu jabatan *close door department* yang mana Ketua-ketua Pengarah dia daripada dulu ikut amalan, datang daripada pegawai-pegawai Kastam, *rank and file*. Tetapi, baru-baru ini lebih kurang dua, tiga tahun sudah, kerajaan telah mengubah bahawa Ketua Pengarah Kastam ini datang daripada PTD dan pada hari ini, Ketua Pengarah Kastam adalah bukan anggota Kastam dulu tetapi, orang-orang daripada PTD. Kita lihat, akhir-akhir ini dengan adanya pegawai-pegawai PTD yang menjadi ketua di pihak Kastam, kita lihat banyak perubahan telah berlaku di dalam Jabatan Kastam dan kita ucap tahniah kepada Kastam kerana tahun 2004 telah berjaya mengutip lebih daripada RM23 bilion cukai-cukai Kastam dan eksais.

Kita berharap dan kita dengar pada hari ini bahawa Ketua Pengarah yang ada sekarang ini akan habis tempoh kontrak. Kalau tidak silap saya, bulan lapan dan bulan sepuluh ini dan kita minta supaya JPA untuk kaji balik. Kalau misalan kata daripada kalangan Timbalan-timbalan ataupun pegawai-pegawai Kastam yang sedia ada ini layak mengetuai Jabatan Kastam, okey. Kita balik kepada amalan lama yang mana Kastam ini ialah *close agency*. Kalau didapati bahawa perlu daripada PTD untuk menjadi Ketua Pengarah Kastam yang mana akan lebih efisien lagi pihak Kastam ini, maka kita harus buat keputusan. Saya berharap melalui Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua,

Kastam pada hari ini janganlah main politiking dalam Kastam. Yang merugikan besok negara kita.. Pada hari ini, sudah ada.... oleh kerana Ketua Pengarah dia daripada PTD ini akan pencen, sudah ada politiking antara orang Kastam. Ini jelas. Kalau saya hendak bagi contoh, banyak saya ada contoh. Tetapi, kita berharap pihak Kastam, biarlah secara profesional.

Pada hari ini, dengan adanya Ketua Pengarah daripada PTD, kita lihat Kastam pun sudah berubah wajah. Uniform Kastam ini pun, kita sudah tidak tahu, sudah terlampau banyak bintang in, Tuan Yang di-Pertua. Dia punya Pengarah Kastam di negeri-negeri hari ini sudah macam *Brigadier General* dengan bintang bersilang, sudah macam apa dah dan uniform dia biru, agak berlainan daripada polis. Besok, kita ingatkan dia polis, rupanya Kastam. Sudah macam-macam. Kita pun sudah naik serabut. Mana satu pengusaha Kastam, mana satu Pengarah Kastam, semua sudah berbintang. Tidak apalah, asalkan kerja semuanya betul.

Kita lihat pada hari ini, dengan adanya pegawai-pegawai PTD, kita lihat Kastam pada hari ini lebih hebat, sehinggakan pada hari ini kita lihat mereka telah menggunakan kereta-kereta BMW yang ditangkap daripada penyeludup-penyeludup ini, diperbaiki dan menjadikan kereta-kereta Kastam untuk mengejar penyeludup-penyeludup.

Hanya kita minta, banyak kereta-kereta kastam ini, Tuan Yang di-Pertua, dilelong pada orang ramai dan saya dengar di antara kawan-kawan saya, puak Ahli-ahli Yang Berhormat ini, esok nanti orang ingat kita hendak minta lagi. *[Ketawa]* Yang mana ada kereta-kereta *Mercedes* yang cantik-cantik ini, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen beritahu dengan orang kastamlah, yang mata-mata belalang ini, Ahli Parlimen baru naik 10%, hendak beli yang baru tidak ada duit….

*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Ada pun pinjaman kenderaan, kereta kebangsaan, kereta nasional RM100,000, lain daripada kereta nasional RM50,000, dengar pegawai-pegawai kerajaan. Ahli Parlimen punya pinjaman kereta, *[Disampuk]* Hah! RM50,000 hendak beli kereta apa?

Jadi, kita merayulah kepada Setiausaha Parlimen yang baik hati, MKT menang....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Kalau ada kereta-kereta yang cantik dekat kastam itu apabila sebelum hendak melelong kepada orang ramai, juallah kepada kami Ahli Parlimen yang marhaen ini. Setuju atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Jadi, pada hari itu kita berharap, kastam ini adalah satu *department* yang penting kepada ekonomi negara. Kita berharap dengan adanya *facilities* yang ada disediakan oleh pihak kastam, kita berharap pegawai-pegawai mereka ini dapat menjalankan tugas dengan lebih profesional.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua**: Sekijang.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Sekijang sila.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Jasin, Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi tentang kereta-kereta yang ditahan oleh kastam untuk dilelong kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya tengok banyak kereta-kereta ini simpan di stor yang kadangkala saya tengok sampai dua tahun, tiga tahun tidak bergerak, daripada model yang paling murah sampai kepada yang paling berharga sekali. Tadi, Yang Berhormat bagi Jasin kata jual kepada Ahli Parlimen sahaja, jadi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin ini, apa kata kakitangan kerajaan juga, yang mungkin berpendapatan rendah, yang kalau sesuai dengan keadaan ini, kita beri sama, saya minta komen sedikit.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Saya setuju, kadang-kadang kereta itu disimpan lama oleh sebab kesnya belum selesai di mahkamah, jadi, belum ada lucuthaknya, maka pihak kastam tidak dapat hendak menjualnya. Apabila kes itu sudah selesai, sudah lucuthaknya, barulah pihak kastam boleh melelong ataupun menjualnya. Saya setuju juga apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang tadi, bukan sahaja kepada kita Ahli Parlimen ini, saya melawak sahaja, kalau boleh beri keutamaan kepada semua sekali kakitangan kerajaan. Yang jadi masalah, macam saya sebutkan minggu yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, banyak benar '*kautim*'….

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak apa?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Banyak '*kautim'*, dia sudah berkira. Itu '*kautim'*, *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]* *[Ketawa]* Dia lebih kurang macam itu dan sudah berkira dahulu dan apabila kita datang, dia menjualnya cara tender dan cara *[Disampuk]* '*Kautim'* itu satu. Satu lagi dia kira blok, sekali dia tender 6 buah kereta. Jadi, kalau macam kata, saya Ahli Parlimen marhaen daripada Jasin itu pun hendak beli 6 biji, tidak tahu mana saya hendak letak. Jadi, kita berharap.......

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Eh! Hendak juga? *[Ketawa]*

**Tuan Loh Seng Kok:** *Kautim*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik kepada perbahasan yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Nampaknya beliau menyebut tentang prestasi dan juga tatatertib di Jabatan Kastam tetapi kita juga lihat tiap-tiap kali kita nampak, Jabatan Kastam memang buat kerja juga. Dari masa ke semasa dalam laporan surat khabar atau laporan kementerian bahawa Jabatan Kastam berjaya menangkap penyeludupan, sama ada kereta mewah ataupun barang-barang lain. Mungkin dari segi kereta mewah itu, kena ada pelucuthakkan dan sebagainya tetapi apakah tentang barang-barang yang lain seperti bunga api, minuman keras? Bagaimana pihak kastam melupuskan ataupun menyelesaikan masalah barang-barang yang sofistikated itu, apakah dapat di *kautim* juga? Terima kasih, Yang Berhormat bgi Jasin?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih, sahabat saya *Yang Berhormat bagi* Kelana Jaya, saya ini bukan pakar sangat. *s*ecara kebetulan sahaja ini, saya berniaga pelabuhan, kastam ada di situ dan kita dapat melihat tatacaranya. Kalau biasanya kalau bunga api itu, dia akan lelongkan juga tetapi dia akan masukkan ke dalam *container* dan di*seal*kan untuk dijual di negara yang ketiga, bermakna kalau dia dijual kepada peniaga *di* Thailand. *B*egitu juga dengan keretek, dia tidak akan jual di dalam negeri *k*alau sesiapa yang berjaya mendapat tender itu, dia kena jual di negara ketiga dan bukan di Malaysia. *I*tu cara kastam.

Hanya kereta, mungkin dengan kita di sini tetapi mana-mana kawasan atau benda-benda yang duti tinggi, yang mana di larang di Malaysia, ia tidak akan lelong

kepada orang kita, di dalam negara tetapi ada satu syarat dikenakan kepada mana yang menang tender ini untuk di *dispose*kan ataupun dilupuskan atau dijualkan di negara yang lain, negara yang ketiga tetapi kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, ada juga cakap macam tadi kadang-kadang dia *kautim*, dia ‘kona’ balik dalam negara kita pun ada juga, bukan tidak ada. Jadi kita berharap akan datang nanti akan lebih profesional.

**Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ya, sila Sabak Bernam.

**Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak mengalu-alukan, Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar kita antaranya daripada Jasin dan seumpamanya dalam majlis ini. *[Sambil memandang ke arah galeri awam di belakang beliau]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, selamat datang.

**Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Yang Berhormat bagi Jasin, saya bimbang dengan kenyataan tentang bagaimana pelupusan kepada barang-barang rampasan. Saya takut nanti ada di antara Ahli Parlimen yang mempunyai BMW dan mata belalang ini, dia kata ini kereta *kautim* ini....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Ketawa]* Ini kita kena berhati-hati, saya hanya hendak bertanya secara berhemahnya bagaimana umpamanya saya contohkan, nampaknya rampasan dadah yang bernilai RM27 juta, Yang Berhormat Tan Sri, dicadangkan untuk digunakan balik bagi membanteras dadah. Saya nampak yang ini ada unsur hemahnya tetapi dalam konteks barangan yang berharga ini, apakah cara yang lebih baik sebenarnya, cara berhemah supaya ia dapat dilihat nilai pendidikan dan pelajaran. Terima kasih, Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Barang-barang yang disita ini tadi, yang mana boleh digunakan lagi ataupun tidak dilarang di dalam negara pihak kastam biasanya akan buat lelongan awam dan jual kepada orang awam. Bagi yang berbahaya dan terlarang macam VCD lucah dan juga dadah dahulu dimusnahkan semua sekali, hanya misal kata keretek yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tadi dan bunga api, kadangkala kalau ada permintaan, ada orang sanggup beli tetapi disyaratkan supaya barang-barang ini tidak boleh diguna pakai di dalam Malaysia tetapi

harus dijual di luar negara. Ini pun okey juga kerana daripada itu akan dapat hasil kepada negara. Boleh macam itu? Yang dadah digunakan semula, saya pula belum mendapat pengetahuan saya tetapi yang telah sudah...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak celah sedikit boleh? Saya takut ada kesilapan, saya hendak perjelaskan satu perkara, tadi bukan rampasan dadah itu, maknanya mereka yang disyaki, mengedar dan seumpamanya harta mereka itu disita dan dirampas. Jadi, bukan rampasan dadah itu sebagai satu perkara yang digunakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Harta pengedar!

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Apabila sudah dirampas barang-barang ini, apabila sudah disita dan dirampas, apabila sudah selesaikan di peringkat mahkamah maka terlepaslah atau lucuthak kereta-kereta ini daripada orang itu.

Jadi kalau kita beli melalui pihak kastam tidak ada kena mengena dengan orang itu. Jadi tidak payah kita hendak susah hati kerana dia sudah lucut hak, hak dia sudah tidak ada lagi di situ. Dan ini juga akan mendapat hasil kepada kastam. Hanya yang kita takut hari ini kita lihat kadang-kadang kenderaan yang disimpan sementara menunggu barang-barang kes ini, pihak kastam tidak mempunyai tempat yang secukupnya untuk menyimpan barang-barang ini. Kadangkala ditumpang di kompaun-kompaun kompleks kastam, rumah kakitangan dan pada kebiasaannya kereta-kereta tadi kadang-kadang kereta ini cantik tetapi *spare part* dah hilang. *[Ketawa]* Saya tidak menuduh tetapi kadang-kadang. Tetapi kalau kita hendakkan kastam ini lebih profesional oleh kerana kita tengok barang ini berharga dan boleh mendatangkan hasil kepada kerajaan mengapa tidak pihak kastam dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini untuk menyiapkan kompleks-kompleks kastam yang lebih canggih supaya mereka juga mempunyai gudang-gudang untuk menyimpan barang-barang yang disita ini supaya barang-barang ini tidak rosak dan apabila dilelong kepada lelongan awam maka kerajaan ataupun negara akan mendapat wang yang lebih.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tentang kereta-kereta BMW yang ditukar ataupun yang diguna oleh pihak kastam saya pun hairan. Saya hairan kastam ini oleh kerana dia hendak mengejar penyeludup, oleh kerana dia hendak menjejak penyeludup kalau kereta BMW yang dia pakai itu baguslah kerana kereta itu laju tetapi janganlah pasang

macam polis yang ada atas itu dengan lampu-lampu, jadi orang yang hendak menyeludup tengok macam kereta polis datang maka dari jauh dia dah lari. Kalau hendak mengintip orang menyeludup mestilah kita menyamar sikit. Yang dia sekarang ini buatkan kereta BMW yang baru-baru yang kita tengok dalam surat khabar ini seolah-olah macam kenderaan polis mempunyai radio car..

Jadi macam mana hendak mengejar penyeludup walhal daripada jauh kita sudah nampak. Ha ini macam polis atau pun pihak kastam. Sepatutnya biarlah pakai kereta BMW tak mengapa, kita setuju kerana hendak buat kerja mengejar penyeludup tetapi biarlah kereta itu tidak menunjukkan sangat yang kita ini dari pihak berkuasa. Ini siap dengan lampu macam polis apa semua akhirnya penyeludup tengok ha! Polis atau kastam situ dia pun lari balik. Dengan harapan ini kita berharap pihak kastam akan lebih profesional dan kalau hendak pakai kereta BMW ayuh! pakailah demi negara, Kita hendak mencegah penyeludupan tetapi biarlah cari yang boleh merabuni mata penyeludup supaya kita senang mencekup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya perkatakan tentang rang undang-undang ini. Saya menyokong supaya rang undang-undang ini dipinda dan saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Home sit kurang baiklah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak nampak.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Jasin...

**Seorang Ahli:** Masuk sinilah.

**Cik Fong Po Kuan**: .... membangkitkan dengan panjang dalam ucapannya berkenaan dengan kastam. Semalam dan dua hari yang lepas saya menerima panggilan telefon di mana ada majikan-majikan yang mengendalikan kedai makanan atau kedai mamak. Mereka menghubungi saya dan menyatakan bahawa pihak kastam di Ipoh telah memalukan mereka bahawa mereka yang membuat keuntungan melebihi RM500,000 setahun mereka perlu mengutip cukai 5% sebagai cukai perkhidmatan ke atas makanan yang dijual dan juga termasuk rokok dan arak *(beer).*

Oleh itu saya ingin mendapat satu kepastian daripada Yang Berhormat pihak kementerian ini apakah ia benar. Jika sedemikian majikan ini mereka merasa kurang puas hati kerana kedai yang menjual 24 jam dengan izin seperti *Seven Eleven* yang ada menjual rokok dan minuman keras akan menjual pada harga yang lebih rendah daripada kedai makanan seperti mereka ini kerana kedai sedemikian yang membuat keuntungan kurang RM500,000 tidak perlu mengutip cukai sebanyak 5% sebagai cukai perkhidmatan ke atas arak dan rokok tersebut. Jadi mereka akan nampak *they are losing out,* dengan izin, dalam penjualan rokok dan minuman arak. Mereka berharap jika perkara ini benar bahawa peraturan telah mula sejak mula tahun lepas bulan Jun tetapi sekarang baru hendak guna pakai. Saya harap pihak kementerian boleh mengkaji balik berkenaan perbezaan harga yang boleh dikenakan oleh gerai menjual makanan mendapat keuntungan kurang RM500,000 dan yang lebih terutamanya dalam aspek penjualan rokok dan minuman arak. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Lagi? Minta Menteri Kewangan menjawab.

3.15 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Jasin dan Batu Gajah dan lain-lain. Nampaknya Yang Berhormat Jasin begitu pakar dalam bidang kastam ini. Ada beberapa perkara dibangkitkan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa rang undang-undang yang dibentangkan ini ialah untuk mengubah sedikit takrif ‘nilai’. Nilai, kalau dulunya sebelum dibuat perubahan untuk tujuan eksais, nilai barang kali beberapa peratus yang kena cukai maka dapat cukai eksais. Tetapi untuk pindaan ini nilainya ialah nilai barangan campur dengan import duti yang telah dikenakan kali dengan peratusan cukai eksais maka dapatlah nilai yang kena sebenar yang dikenakan. Itu asasnya.

Saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Jasin yang telah membangkitkan perkara berikut. Ada kedai yang kena *service tax* dan ada kedai yang tidak kena *service tax.* Ini kalau ikut peraturan yang sedia ada Tuan Yang di-Pertua, kedai-kedai, restoran dan hotel-hotel yang jualannya pada RM500,000 setahun mereka kena bayar *service tax.* Kalau kurang pendapatan jualan tidak dikenakan cukai

perkhidmatan *(service tax).* Buat masa ini kastam dari masa ke semasa memang menjalankan kempen dan *road show* supaya lebih ramai lagi restoran akan dikenakan cukai perkhidmatan ini *(service tax).*

Cadangan Yang Berhormat Jasin supaya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang *service tax* ini Yang Berhormat, kita faham pemilik-pemilik restoran yang mengenakan *service tax* kepada pelanggan termasuklah restoran nasi kandar yang menjadi mungkin minat rakan-rakan yang kini semakin banyak bertambah, saya pun turut sama pergi. Masalahnya *service tax* yang dikenakan kepada pelanggan apakah pekedai atau pemilik restoran itu juga menjelaskan cukai kepada kerajaan. Jika tidak apakah tindakan dalam hubungan ini? Sekadar mereka mengenakan kepada pelanggan, pelanggan akan menjadi mangsa tetapi cukai keuntungan untuk ekonomi kerajaan yang tidak dibayar, apakah tindakan yang akan diambil?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin iaitu sebenarnya kedai-kedai yang mengutip *service tax* ini mereka dilesenkan, tanpa mendapat lesen mereka tidak boleh mengutip. Apabila dilesenkan mereka bertanggungjawab untuk membayar jika tidak mereka dikenakan penalti. Itu memang telah ada dalam daftar kastam di mana mereka ini memang dikenakan membayar *service tax* jika tidak mereka kena menjawab mengapa tidak membayar. Bukan semua boleh mengikut sesuka hati mereka mengutip *service tax.* Mereka mesti berlesen dahulu. Memang saya faham ada kedai nasi kandar yang kena *service tax* dan ada yang tidak kena. Jadi yang kena *tax* itu dia merungutlah dia mahal orang lain murah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Masalah dia sekarang pengusahaannya tidak cukup Tuan Yang di-Pertua.

Lesen ini, mereka ini terpaksa datang ke pihak kastam, seolah-olah menyerah diri. Aku hendak bayar *sales tax.* Jadi tiada misalan kata macam tidak bersungguh. Jadi yang datang *forward* pada hari ini, membayar *sales tax* mengutip *sales tax* bagi pihak kerajaan, dia jadi mangsa kerana barangan dia ataupun harga perkhidmatan dia akan lebih mahal daripada mereka yang tidak bayar *sales tax.* Sehingga hari ini saya lihat, pihak kastam pun tidak pernah turun untuk mengejar mereka yang tidak bayar *sales tax* ini.....

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Jangan kata apa Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perniagaan iaitu *shipping* dengan *forwarding agency* yang diwajibkan membayar sales tax, dekat pelabuhan Kuala Linggi, syarikat saya sahaja bayar *sales tax,* syarikat lain tidak kena. Itu ejen kastam itu yang berdaftar dengan kastam. Mengapa tidak dikuatkuasakan. Ini yang timbul masalah. Itu yang orang kata besok kata kastam 'kautim'. Yang ini kena yang ini tidak kena. Jadi orang akan menuduh walhal tidak ada 'kautim'.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tidak ada 'kautim' sebenarnya. Saya pun sebenarnya pernah bertanya pegawai-pegawai kastam, mereka bagi tahu bahawa memang mereka buat penguatkuasaan dan kadang-kadang pergi *under cover*. Pergi melihat, pergi makan duduk sampai seminggu di kedai-kedai kepala ikan apa semua ini dia pergi. Memang mereka agresif sebenarnya dalam perkara ini. Mungkin tidak sampai lagilah pada kawasan Yang Berhormat itu. Sampai besok, kenalah.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Tadi saya ada bangkitkan berkenaan cukai perkhidmatan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat, jelas bahawa ia akan dikenakan cukai perkhidmatan jika melebihi RM500 ribu keuntungan. Tetapi persoalan sekarang ialah peniaga-peniaga, penjual-penjual makanan ini mereka kata boleh, "Saya sudi bayar untuk jumlah jualan mereka untuk makanan" boleh kenakan cukai perkhidmatan. Tetapi kalau bagi rokok dan arak dikenakan 5% juga, ke atas jualan itu, mereka akan kerugian perniagaan jika dibandingkan dengan kedai yang lain.

Aspek yang penting ditekankan di sini ialah penjualan rokok dan minuman arak. Mereka harap 5% ini tidak dikenakan ke atas rokok dan arak. Jadi haraplah pihak kementerian boleh melihat dari aspek ini agar harga rokok dan arak adalah sama, tidak kira di kedai makanan yang membuat keuntungan lebih RM500,000 atau kurang RM500,000. Itu persoalannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa bangunan yang telah mengguna berpuluh juta ini sekarang ada kebocorannya. Ini saya rasa kurang eloklah.

**Timbalan Yang dipertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ia luar dugaan.

**Cik Fong Po Kuan:** Luar dugaan, tetapi boleh dielakkanlah kalau ada kerja-kerja pemantauan yang baiklah.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Luar dugaan.

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi saya berharaplah pihak kementerian boleh melihat dari aspek ini - perbandingan harga, perbezaan harga yang akan membuat peniaga kerugian. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya bawa usul pindaan *duty* eksais bukan *service tax*. Tidak apalah oleh kerana Yang Berhormat bangkit, saya jawablah tentang *service tax* ini. Sebenarnya tidak ken-mengena cukai eksais. Tadi Yang Berhormat Batu Gajah membangkitkan tentang *service tax* kenapa dikenakan ke atas rokok. Ini *service tax*, kita kena faham. Tiap-tiap barangan yang dijual masing-masing ada dikenakan cukai. Termasuk *liquor*, termasuk rokok ini dikenakan cukai. Tetapi yang dibangkitkan ialah *service tax*. Di mana *service tax* dikenakan ke atas jumlah jualan untuk semua sekali. Kalau dia minum, dia makan, dia makan *sea food* kemudian dia beli rokok dan juga *liquor* dikira semua sekali. Kalau dia belanjakan RM100 maka dia kena RM5 *service tax*. Kirakan semua sekali bukan dia *itemize,* ini rokok tidak kena *tax*, ini *sea food* kena *tax*, bukan begitu, dia kira semua sekali. Jadi mahu tidak mahu kita kena eloklah. Kalau tidak memang susahlah kita hendak kira *service tax* itu.

Tuan Yang di-Pertua, kereta rampasan yang dilelong. Sebenarnya dilelong memanglah dari masa ke semasa kastam lelong ikut blok-bloklah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Jasin tadi.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Petrajaya bangun.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Berkaitan dengan sebelum kita beralih, memandangkan kita sedang berbincang tentang *sales tax*, walaupun mungkin secara tidak langsung berkaitan dengan rang undang-undang, cuma dalam konteks yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, kalau misal katalah, syarikat tersebut sebenarnya telah layak tetapi tidak memohon, bagaimana cara kita memantau, itu pertama.

Kedua, bagaimana kita memantau kepada mereka yang tidak layak, tetapi memungut *sales tax* maknanya sebab apa yang berlaku kalau sebuah syarikat yang diberi lesen untuk mengutip *sales tax*, mereka sepatutnya mempamerkan lesen mereka ataupun arahan kastam di tempat perniagaan. Tetapi kebanyakan tempat, ada setengah tempat di mana mereka tidak mempamerkan tetapi mereka mengenakan *sales tax* kepada pelanggan. Jadi bagaimana cara kita memantau dan di situlah saya rasa kita perlu memperkukuhkan. Mohon penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Petrajaya. Memang sebenarnya Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga Jabatan Kastam modus operandinya samalah. Dia ada pasukan penguatkuasaan dan pasukan yang menyelidik yang pergi siasat, memang ada. Mereka menyiasat memang berterusan kerja-kerja ini. Bermakna mereka yang bayar tidak bayar, seperti yang saya sebut tadilah. Mereka akan duduk di situ seminggu dan lihat sendiri perniagaan di kedai itu. Saya bersetujulah bahawa kedai-kedai yang ada lesen ini patut pamerkan lesen dia di kedai supaya orang tahu dia kena *sales tax* di situ.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kereta tadi, kalau saya ada kuasa untuk beli saya ingat saya sudah jual *half price* kepada semua Ahli Parlimen. Oleh kerana ini prosedur kewangan, kita kena tender, jadi terpaksa tender macam biasa. Tetapi kita, bukan begitu sahaja, saya akan balik semak tengok. Kalau peraturan membolehkan saya ingat kita boleh mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak *react* kepada Setiausaha Parlimen tadi. Sekarang ini kereta-kereta yang disita sehinggakan kastam-kastam negeri pada hari ini telah menyerahkan kepada anak-anak yatim, badan-badan kebajikan, kerana sekarang sudah jadi *general*, *general* di peringkat negeri sudah hendak minta Dato, jadi banyak yang bagi ini. Kalau itu pun dia boleh buat, mengapa tidak boleh jual sebuah-sebuah kepada Ahli Parlimen dan juga kakitangan kerajaan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya sebut tadi Yang Berhormat, saya akan balik melihat peraturan yang ada, peruntukan yang ada di bawah akta. Kalau dibolehkan memang kita boleh pertimbangkan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di- Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang kereta yang dilelong. Sebelum dilelong itu, maknanya kereta ini telah dirampas oleh kerana tidak dibayar cukai. Jadi di sini saya ingin bertanya bahawa kereta-kereta yang dibawa masuk tanpa cukai ini kadangkala ada di antaranya kereta-kereta ini didaftarkan dan telah pun ada cukai jalan dan semua cukup tetapi, apabila sampai kepada masa-masa yang tertentu terutamanya mungkin penjual atau penyeludup ini telah menjual kepada pihak orang ramai, pihak kastam datang kata kereta ini tidak dibayar cukai ataupun kereta ini tidak cukup lengkap dia punya syarat-syaratnya.

Jadi akhirnya kereta ini dirampas dan apabila kereta ini dirampas oleh pihak kastam, yang rugi adalah orang ramai, orang awam yang untung penyeludup ini jadi saya hendak minta penerangan atau penjelasan daripada.......

*[Dewan mengalami gangguan bekalan elektrik selepas air hujan memasuki Dewan melalui bumbung bocor di beberapa tempat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana keadaan Dewan yang mulia terganggu, maka mesyuarat ditangguhkan sehingga keadaan pulih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.45 petang]***

21 Mac 2005

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

**1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO**

2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO

**3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA**

**4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC**

**5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN**

6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO

**7. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO**

8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO

9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO

**10. " Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO**

11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA

12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. " Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

**17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO**

18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.,. (Selayang) – MCA.

19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop

20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO

21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB

22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO

24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO

25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO

26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO

27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO

28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO

**29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB**

30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS

31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA

32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO

**33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO**

<u>TIMBALAN MENTERI</u>

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN

| | | |
|---|---|---|
| 2. | “ | Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB |
| 3. | “ | Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA |
| 4. | “ | Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC |
| 5. | “ | Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA |
| 6. | “ | Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO |
| 7. | “ | Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO |
| 8. | “ | Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO |
| 9. | “ | Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO |
| 10. | “ | Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP |
| 11. | “ | Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA |
| 12. | “ | Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO |
| 13. | “ | Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA |
| 14. | “ | Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP |
| 15. | “ | Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA |
| 16. | “ | Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA |
| 17. | “ | Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO |
| 18. | “ | Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO |
| 19. | “ | Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO |
| 20. | “ | Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN |
| 21. | “ | Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC |

22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC

23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO

25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA

30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN

31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO

33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO

34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO

35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO

36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO

37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS

38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO

| | | |
|---|---|---|
| 3. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO |
| 4. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO |
| 5. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC |
| 6. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP |
| 7. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA |
| 8. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO |
| 9. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB |
| 10. | " | Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO |
| 11. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO |
| 12. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC |
| 13. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA |
| 14. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO |
| 15. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA |
| 16. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA |
| 17. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN |
| **18.** | **"** | **Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO** |
| 19. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO |
| 20. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO |
| 21. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN |
| 22. | “ | Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC |

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP

| | | |
|---|---|---|
| 33. | “ | Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP |
| 34. | “ | Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO |
| 35. | “ | Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA |
| 36. | “ | Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO |
| 37. | “ | Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO |
| 38. | “ | Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO |
| 39. | “ | Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO |
| 40. | “ | Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB |
| 41. | “ | Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA |
| 42. | “ | Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN |
| 43. | “ | Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO |
| 44. | “ | Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO |
| 45. | “ | Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO |
| 46. | “ | Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS |
| 47. | “ | Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO |
| 48. | “ | Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP |
| 49. | “ | Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB |
| 50. | “ | Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS |
| 51. | “ | Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP |
| 52. | “ | Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS |
| 53. | “ | Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS |
| 54. | “ | Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO |
| 55. | “ | Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO |
| 56. | “ | Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC |
| 57. | “ | Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS |
| 58. | “ | Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP |
| 59. | “ | Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN |
| 60. | “ | Dato’ Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP |
| 61. | “ | Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA |
| 62. | “ | Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP |
| 63. | “ | Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP |
| **64.** | **“** | **Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA** |
| 65. | “ | Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA |
| 66. | “ | Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA |
| 67. | “ | Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP |

| | | |
|---|---|---|
| 68. | “ | Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO |
| 69. | “ | Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO |
| 70. | “ | Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO |
| 71. | “ | Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO |
| 72. | “ | Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO |
| 73. | “ | Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO |
| 74. | “ | Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO |
| 75. | “ | Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO |
| 76. | “ | Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO |
| 77. | “ | Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS |
| 78. | “ | Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO |
| 79. | “ | Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO |
| 80. | “ | Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO |
| 81. | “ | Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO |
| 82. | “ | Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO |
| 83. | “ | Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO |
| 84. | “ | Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO |
| 85. | “ | Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO |
| 86. | “ | Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO |
| 87. | “ | Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO |
| **88.** | “ | Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO |
| 89. | “ | Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP |
| **90.** | “ | Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO |
| 91. | “ | Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO |
| 92. | “ | Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO |
| 93. | “ | Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO |
| 94. | “ | Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS |
| 95. | “ | Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO |
| 96. | “ | Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO |
| 97. | “ | Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO |
| 98. | “ | Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP |
| 99. | “ | Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO |
| 100. | “ | Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO |
| 101. | “ | Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO |

| | | |
|---|---|---|
| 102. | “ | Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO |
| 103. | “ | Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA |
| 104. | “ | Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN |
| 105. | “ | Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP |
| 106. | “ | Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN |
| 107. | “ | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP |
| 108. | “ | Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA |
| 109. | “ | Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO |
| 110. | “ | Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO |
| 111. | “ | Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP |
| 112. | “ | Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA |
| 113. | “ | Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP |
| 114. | “ | Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP |
| 115. | “ | Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB |
| 116. | “ | Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO |
| 117. | “ | Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN |
| 118. | “ | Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO |
| 119. | “ | Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO |
| 120. | “ | Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB |
| 121. | “ | Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA |
| 122. | “ | Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO |
| 123. | “ | Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA |
| 124. | “ | Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA |
| 125. | “ | Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS |

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha
Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI
Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN
Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER
Zunaini bt. Mohd Salleh
Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Siti Rohaini bt. Roslan
Mohamad Faizal bin Harun
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK
Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor